

TRAVELPRO TAKAFUL

PENDAHULUAN

Takaful ialah skim bantuan bersama berdasarkan semangat persaudaraan dan perpaduan di mana para Peserta seperti Anda bersetuju untuk saling membantu satu sama lain dari segi kewangan bagi keperluan tertentu. Dengan niat ini, para Peserta membayar Sumbangan mereka berdasarkan Tabarru' (derma) kepada Dana Takaful Am (Dana) yang diuruskan oleh Etiqa General Takaful Berhad (Pengendali Takaful). Pembayaran jumlah yang dilindungi kepada para Peserta dibayar daripada Dana tersebut berdasarkan konsep Tabarru'.

Sebagai Pengendali Takaful, Kami bertanggungjawab memilih para Peserta serta menentukan dan mengumpulkan Sumbangan. Kami juga bertanggungjawab untuk melaburkan Dana dan membayar Manfaat kepada para Peserta yang berbak. Semua hasil daripada pelaburan akan dikreditkan ke dalam Dana. Dana ini dimiliki secara kolektif oleh para Peserta di mana bahagian sumbangan Tabarru' diletakkan untuk tujuan Takaful. Hubungan antara Anda dan Kami ditadbir oleh kontrak Wakalah (perwakilan).

Lebih dari Dana akan ditentukan setiap tahun dan akan dibayar untuk Sijil tahunan. Pengagihan, sekiranya ada, diperuntukkan bagi peruntukan luar jangka, dan tertakluk kepada polisi lebihan yang diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah Kami. Lebihan yang boleh diagih, sekiranya ada, lima puluh peratus (50%) daripadanya dibayar kepada Kami kerana mengendali dan menguruskan Dana, berdasarkan kontrak Ju'alah (ganjaran), dan baki lima puluh peratus (50%) akan dikongsi antara para Peserta yang mana Sijil mereka belum ditamatkan dan tidak membuat sebarang tuntutan dalam tahun kewangan tersebut. Sekiranya berlaku apa-apa defisit daripada Dana tersebut, tidak akan ada pengagihan lebihan bagi tahun kewangan tersebut. Dalam keadaan sedemikian, defisit akan dibiayai oleh jumlah yang diperuntukkan bagi tujuan luar jangka. Sekiranya Dana tersebut masih defisit, Qard (pinjaman tanpa faedah) akan diatur. Qard akan dibawa ke tahun kewangan yang berikutnya dan sebarang lebihan yang diperolehi selepas itu akan digunakan untuk membayar semula Qard. Jika lebihan adalah kurang daripada Ringgit Malaysia Sepuluh (RM10.00), Kami akan mengkreditkan jumlah wang itu ke dalam tabung kebajikan yang akan digunakan sebagai Amal Jariah bagi pihak para Peserta.

Pemohonan Anda untuk menyertai skim Takaful ini sebagai Peserta telah Kami terima berdasarkan permohonan yang Anda telah tandatangi berserta segala maklumat yang diberikan kepada Kami. Sekiranya Anda tidak mengisi Borang Permohonan, penerimaan Kami adalah berdasarkan kenyataan fakta dan apa-apa maklumat lain yang Anda berikan kepada Kami. Sebagai Peserta, Anda akan menerima perlindungan Takaful untuk kemalangan atau sekiranya berlaku kematian dan insiden seperti yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat yang mungkin berlaku dalam Tempoh Takaful tertakluk kepada peraturan dan syarat kontrak Takaful ini.

Kontrak Takaful Anda terdiri daripada Borang Permohonan, Sijil ini dan Sijil Perlindungan / Jadual. Anda harus menelitinya untuk menentukan ianya menepati perlindungan yang Anda perlukan.

Skim Takaful ini adalah tertakluk kepada Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawalselia oleh Bank Negara Malaysia (BNM). Satu keperluan akta ini ialah penubuhan Jawatankuasa Syariah untuk memberi nasihat kepada Kami supaya tidak terlibat dalam aktiviti yang ditegah oleh Syariah.

APAKAH YANG MEMBENTUK SIJIL INI

Takaful tidak melindungi Anda daripada kesemua yang boleh berlaku.

Tajuk tidak dikira sebahagian daripada pernyataan Sijil.

Sijil ini dikeluarkan sejajar dengan pembayaran Sumbangan seperti yang ditetapkan dalam Sijil Perlindungan dan menurut kepada kenyataan yang telah dikemukakan di dalam Borang Permohonan Anda (atau semasa memohon takaful ini) dan segala kenyataan lain yang telah dibuat oleh Anda di antara masa penyerahan Borang Permohonan (atau semasa memohon takaful ini) dan pada masa perjanjian ini ditandatangani. Jawapan dan apa-apa pendedahan lain yang telah Anda berikan akan menjadi sebahagian daripada kontrak takaful antara Anda dan pihak Kami. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat sebarang salah nyata semasa pra-kontrak berhubung dengan jawapan Anda atau di mana-mana pendedahan yang Anda berikan, hanya remedi yang terdapat dalam Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 akan diguna pakai.

Sijil ini merangkumi terma-terma dan syarat-syarat kontrak takaful seperti yang dipersetujui antara Anda dan pihak Kami.

Sijil ini menyatakan perlindungan takaful yang Anda terima seperti yang ditunjukkan dalam Sijil Perlindungan dan keadaan-keadaan di mana Anda dilindungi dan tidak dilindungi.

KEWAJIPAN ANDA UNTUK MEMBERITAHU KAMI

1. Komunikasi

Semua komunikasi kepada Kami mesti dibuat secara bertulis atau Anda boleh hubungi Pusat Perkhidmatan Kumpulan Maybank di talian 1 300 88 6688.

2. Kewajipan pendedahan sebelum takaful ini diberikan

- i) Apabila Anda telah memohon takaful ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion Anda, Anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan-soalan yang terdapat dalam Borang Permohonan (atau semasa memohon takaful ini) sebagai contoh, Anda perlu menjawab soalan-soalan dengan penuh, tepat dan benar sepanjang pengetahuan Anda. Kegagalan dalam mengambil langkah munasabah dalam menjawab soalan-soalan boleh mengakibatkan pembatalan kontrak takaful Anda, keengganan atau pengurangan gantirugi Anda, perubahan terma atau penamatan kontrak takaful Anda selaras dengan remedi dalam Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013. Anda juga dikehendaki mendedahkan perkara-perkara lain yang Anda tahu akan mempengaruhi keputusan Kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang akan dikenakan.
- ii) Sekiranya Anda tidak memberikan maklumat ini dengan penuh, tepat dan benar, takaful ini mungkin tidak sah atau Sijil mungkin tidak melindungi Anda dengan sepenuhnya.

3. Kewajipan pendedahan sepanjang tempoh takaful ini

Anda dikehendaki memberitahu Kami dengan serta-merta sekiranya pada bila-bila masa selepas kontrak takaful ini atau mana-mana Sijil lain yang berkuatkuasa ke atas Anda atau oleh Anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan Kami, apa-apa maklumat yang diberikan di dalam Borang Permohonan (atau semasa memohon takaful ini atau Sijil-sijil lain) tidak tepat atau telah berubah termasuk tetapi tidak terhad kepada apa-apa perubahan dalam pekerjaan Anda, tugas kerja, aktiviti sukan, atau apa-apa maklumat berkaitan lain yang mempunyai kecenderungan untuk meningkatkan risiko termasuk sebarang penyakit, kecacatan atau keuzuran fizikal atau mental. Kami mungkin:

- i) meminta Anda membayar Sumbangan tambahan bagi peningkatan risiko tersebut;
- ii) membuat perubahan kepada terma dan syarat Sijil ini; atau
- iii) membiarkan terma, syarat dan Sumbangan Sijil seadanya tanpa diubah.

Anda akan hanya dilindungi untuk apa-apa peningkatan risiko sekiranya dipersetujui secara bertulis oleh pihak Kami.

DEFINISI AM

Melainkan dinyatakan atau ditakrifkan sebaliknya, definisi-definisi dengan tafsiran yang dinyatakan di bawah, akan digunapakai kepada Sijil ini.

Anak atau **Anak-anak** bermaksud anak kandung, anak tiri atau anak angkat sah yang tidak bekerja, belum berkahwin, berumur di antara empat puluh lima (45) hari sehingga lapan belas (18) tahun [atau tidak melebihi dua puluh tiga (23) tahun sekiranya masih belajar sepenuh masa di institusi pendidikan yang diiktiraf] semasa Tarikh Takaful Berkuatkuasa.

Bagasi bermaksud beg pakaian yang Anda miliki dan isi kandungannya yang dipakai, digunakan atau dibawa oleh Anda semasa dalam Perjalanan.

Barang berharga bermaksud barang emas dan/atau perak, dan/atau logam berharga lain, permata separa berharga, bulu dan jam tangan.

Bencana Alam dan Keadaan Cuaca Melampau bermaksud kejadian gangguan utama perjalanan disebabkan semata-mata oleh sebab semula jadi termasuk tetapi tidak terhad kepada taufan, ribut, puting beliung, atau angin ribut taufan, kebakaran hutan, banjir, tsunami, letusan gunung berapi, letusan abu gunung berapi, gempa bumi, gelinciran tanah, gelinciran lumpur, runtuh salji, kebakaran atau ribut salji.

Dana Takaful Am (Dana) bermaksud akaun Peserta di mana bahagian Tabarru' daripada Sumbangan dimasukkan bagi tujuan Takaful. Dana ini dimiliki secara kolektif oleh para Peserta dan Jumlah yang Dilindungi yang ditunjukkan di dalam Jadual Takaful adalah dibayar daripada Dana tersebut.

Data Peribadi bermaksud apa-apa maklumat yang berkait secara langsung atau tidak langsung kepada Anda dan meliputi mana-mana individu yang data peribadinya telah dikemukakan oleh Anda, yang dikenal pasti atau boleh dikenal pasti daripada maklumat tersebut atau daripada maklumat tersebut dan maklumat lain dalam milikan Kami, termasuk mana-mana data peribadi sensitif dan pernyataan pendapat tentang Anda dan individu tersebut. Bagi tujuan penjelasan, data peribadi Anda mungkin boleh diberikan kepada Kami oleh pihak ketiga yang berkuasa.

Destinasi Perjalanan Utama bermaksud mana-mana lokasi, sementara atau sebaliknya, jika terbukti dengan kepuasan Kami bahawa insiden yang dilindungi di satu (1) atau lebih lokasi ini akan memberi kesan kepada Perjalanan Anda sehingga perlu dibatalkan atau terganggu seperti yang dilindungi di bawah seksyen manfaat Sijil.

Ekses bermaksud amaun pertama yang Anda perlu bayar apabila membuat tuntutan dan merupakan bahagian kerugian yang tidak dilindungi di bawah Sijil ini.

Ekspedisi bermaksud perjalanan melalui darat atau laut ke kawasan-kawasan yang terpencil/pedalaman atau yang tidak dapat dihubungi, oleh seorang individu atau kumpulan individu untuk tujuan eksplorasi dan/atau kajian saintifik. Ia memerlukan individu untuk berdikari dan lengkap untuk berada di kawasan yang dikehendaki selama tempoh perjalanan.

Endorsemen bermaksud perubahan bertulis atau pindaan ke atas maklumat, terma-terma, dan syarat-syarat Sijil ini. Endorsemen ke atas Sijil ini mesti dikeluarkan oleh pihak Kami.

Hibah bermaksud pemindahan hak milik sesebuah asset dari penderma/pemberi (wahib) kepada penerima (mahbub lahu) tanpa apa-apa balasan.

Hilang Upaya Kekal Menyeluruh bermaksud bahawa Anda tidak berupaya untuk melaksanakan apa-apa kerja, pekerjaan atau profesion untuk upah, pampasan atau keuntungan, semata-mata akibat Kemalangan, tanpa peluang untuk pulih berdasarkan pengetahuan dan teknologi perubatan semasa, akibat mengalami lumpuh menyeluruh dan kekal, kekal terlantar sakit di katil atau tidak siaman.

Hospital bermaksud institusi berdaftar di bawah penyeliaan pakar perubatan, ditubuhkan dengan tujuan untuk menyediakan rawatan dan penjagaan kepada pesakit yang sakit atau cedera di atas katil berbayar, dan mempunyai kemudahan untuk:

- a) Perkhidmatan kejururawatan dua puluh empat (24) jam oleh jururawat berdaftar dan berijazah; dan
- b) Diagnosis dan pembedahan utama.

Hospital secara jelasnya bukan:

- a) Sebuah klinik;
- b) Rumah pemulihan, penjagaan atau rehat pulih;
- c) Pusat pemulihan untuk penagih alkohol atau dadah; atau
- d) Rumah untuk orang tua atau uzur.

Isi Kandungan Rumah bermaksud perabot rumah, aksesori perabot, pakaian dan barangan peribadi yang dimiliki oleh Anda, Keluarga atau pembantu rumah yang tinggal secara tetap di dalam Rumah Anda termasuk lekapan dan kelengkapan, yang dipertanggungjawabkan kepada Anda (kecuali lekapan dan kelengkapan kepunyaan tuan rumah - untuk rumah sewa). Isi Kandungan Rumah tidak termasuk barang antik, artifak, lukisan, benda seni atau nilai intrinsik, manuskrip, sekuriti kewangan apa pun, wang, setem, dokumen perjalanan, kredit kad, bon, kupon, instrumen boleh niaga, surat hak milik, lesen memandu, kad pengenalan, kenderaan bermotor, bot, ternakan, basikal dan apa-apa peralatan, atau aksesori yang berkaitan.

Ju'alah ialah kontrak ganjaran di mana salah satu pihak menawarkan ganjaran tertentu kepada sesiapa yang mencapai sesuatu objektif dalam tempoh yang ditetapkan ataupun tidak ditetapkan. Berkaitan dengan Sijil ini, ia merujuk kepada ganjaran yang diberikan kepada Kami yang dipersetujui terlebih dahulu oleh Anda dan Kami bagi pengurusan Dana yang baik.

Kami bermaksud Etiqa General Takaful Berhad dan penyedia perkhidmatan Talian Khidmat Bantuan Perjalanan dan Perubatan 24 Jam yang dilantik oleh Etiqa General Takaful Berhad.

Keadaan Sedia Ada bermaksud Penyakit yang mana Orang Yang Dilindungi dianggap mempunyai pengetahuan munasabah, berdasarkan mana-mana yang berikut berlaku sebelum Tarikh Takaful Berkuatkuasa:

- a) Orang Yang Dilindungi telah menerima atau sedang menerima rawatan;
- b) Nasihat perubatan, diagnosis, penjagaan atau rawatan telah disyorkan;
- c) Gejala yang jelas dan nyata dapat atau telah dilihat dengan ketara; atau
- d) Kewujudannya jelas kepada orang yang berfikiran waras dalam keadaan tersebut.

Keadaan Perubatan Kritikal bermaksud keadaan perubatan yang dialami oleh Orang Yang Dilindungi akibat daripada Kecederaan Badan atau Penyakit, yang ditentukan boleh mengancam nyawa mengikut budi bicara mutlak Pengamal Perubatan yang ditetapkan oleh Kami.

Kecederaan Badan bermaksud kecederaan badan yang dialami oleh Anda semasa Tempoh Takaful yang disebabkan semata-mata dan secara langsung daripada Kemalangan. Ini tidak termasuk apa-apa keuzuran, penyakit, parasit, bakteria, jangkitan parasit atau virus walaupun dijangkiti daripada Kemalangan, atau apa-apa keadaan yang berlaku secara semula jadi atau proses hilang upaya atau disebabkan oleh sebarang punca yang berlaku secara berperingkat.

Kecederaan Badan Serius atau **Penyakit Serius** apabila merujuk kepada Orang Yang Dilindungi, adalah keadaan yang memerlukan rawatan daripada Pengamal Perubatan dan yang menyebabkan Orang Yang Dilindungi disahkan oleh Pengamal Perubatan tidak sihat untuk mengembara atau meneruskan Perjalanan yang dirancang. Apabila merujuk kepada Keluarga, ia bermaksud Kecederaan Badan atau Penyakit yang disahkan oleh Pengamal Perubatan sebagai berbahaya kepada kehidupan Keluarga tersebut dan yang menyebabkan pemberhentian atau pembatalan Perjalanan yang dirancang.

Keganasan bermaksud tindakan, atau tindakan-tindakan, oleh mana-mana orang atau sekumpulan orang, yang dilakukan atas tujuan politik, agama, ideologi atau yang seumpamanya dengan niat untuk mempengaruhi mana-mana kerajaan dan/atau untuk membuat orang awam atau sebahagian orang awam, dalam ketakutan. Keganasan termasuk, tetapi tidak terhad kepada, penggunaan sebenar kekerasan atau keganasan dan/atau ugutan penggunaan tersebut. Keganasan tersebut dilakukan secara bersendirian atau bagi pihak, atau yang berkaitan dengan mana-mana organisasi atau kerajaan. Keganasan hendaklah juga termasuk apa-apa perbuatan yang disahkan atau diiktiraf oleh kerajaan (yang berkaitan) sebagai tindakan keganasan dan/atau di kawal di bawah undang-undang yang berkaitan.

Kemasukan ke Hospital bermaksud kemasukan Orang Yang Dilindungi ke Hospital sebagai pesakit berdaftar untuk rawatan Kemalangan atau Penyakit atas syor Pengamal Perubatan. Orang Yang Dilindungi dikehendaki tinggal di Hospital selama tempoh Kemasukan ke Hospital.

Kehilangan Anggota bermaksud amputasi antara pergelangan tangan dan bahu untuk lengan, atau antara buku lali dan pinggul untuk kaki, atau hilang upaya untuk berfungsi secara menyeluruh dan kekal bagi keseluruhan tangan, lengan, atau kaki.

Kehilangan Pendengaran bermaksud hilang upaya mendengar kekal, menyeluruh dan tidak boleh pulih akibat Kemalangan sehingga suatu tahap kehilangan yang lebih daripada 80 desibel merentasi semua frekuensi pendengaran pada kedua-dua belah telinga. Bukti perubatan di dalam bentuk keputusan ujian audiometri dan ujian ambang bunyi mesti disediakan dan disahkan oleh pakar Telinga, Hidung dan Tekak (ENT).

Kehilangan Penglihatan bermaksud hilang penglihatan kekal, menyeluruh dan tidak boleh pulih akibat Kemalangan sehingga suatu tahap apabila diuji menggunakan alat bantuan penglihatan, penglihatan diukur pada 3/60 atau lebih teruk untuk sebelah mata atau kedua-dua belah mata menggunakan carta mata Snellen atau ujian yang setara dan keputusan tersebut mestilah disahkan oleh pakar oftalmologi.

Kehilangan Pertuturan bermaksud kehilangan pertuturan sepenuhnya dan tidak dapat dipulihkan dengan rawatan pembedahan atau lain-lain.

Keluarga bermaksud Pasangan Orang Yang Dilindungi, ibu bapa, ibu bapa mertua, datuk, nenek, anak-anak, abang atau kakak, datuk mertua, nenek mertua, cucu, menantu lelaki, menantu perempuan, adik beradik ipar, anak saudara perempuan atau anak saudara lelaki yang tinggal di Malaysia.

Kemalangan bermaksud kejadian yang ganas, tidak dirancang, tidak dijangka, luaran dan jelas kelihatan secara langsung, serta bebas daripada apa-apa sebab lain dan menjadi punca tunggal Kecederaan Badan.

Manfaat bermaksud manfaat seperti yang dinyatakan dalam Sijil, Sijil Perlindungan, Jadual dan/atau Endorsemen, dibayar oleh Kami di bawah terma-terma, pengecualian-pengecualian dan syarat-syarat Sijil ini bagi setiap kejadian atau kerugian yang dilindungi oleh Sijil ini.

Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan atau **FMOS** bermaksud suatu badan bebas yang ditubuhkan untuk membantu menyelesaikan pertikaian di antara Pihak Menuntut dan Kami, sebagai alternatif selain mahkamah.

Orang Yang Dilindungi atau **Anda** bermaksud setiap orang yang dinamakan di dalam Sijil Perlindungan dan/atau Jadual. Orang Yang Dilindungi ialah:

- a) Warganegara Malaysia
- b) Penduduk tetap Malaysia
- c) Pemegang permit berkerja yang sah, pas pekerja, pas sah tanggungan, pas lawatan jangka panjang yang sah, pas pelajar yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa di Malaysia dan menetap di Malaysia;
- d) Berumur empat puluh lima (45) tahun sehingga lapan puluh (80) tahun.

Pasangan bermaksud suami atau isteri sah Anda di bawah perkahwinan yang diiktiraf oleh undang-undang Malaysia, berumur di antara lapan belas (18) dan dan tujuh puluh (70) tahun pada Tarikh Takaful Berkuatkuasa. Hanya seorang (1) Pasangan yang layak dilindungi di bawah Sijil ini.

Penama bermaksud orang yang dinamakan oleh Peserta untuk menerima Manfaat takaful yang dibayar di bawah Sijil ini setelah kematian Anda. Penamaan tersebut mesti didaftarkan dengan Kami.

Pengangkutan Awam bermaksud apa-apa pengangkutan melalui darat, jalan air, laut atau udara yang beroperasi di bawah lesen untuk pengangkutan penumpang-penumpang yang membayar tambang dan mempunyai laluan yang tetap dan diiktiraf sahaja. Ia tidak termasuk teksi, helikopter dan perkhidmatan limosin, termasuk juga apa-apa pengangkutan yang disewa atau disusun sebagai sebahagian daripada lawatan walaupun perkhidmatan tersebut dijadualkan.

Pengangkutan Berjadual bermaksud pesawat udara, keretapi atau kapal laut yang dijadualkan, yang disenaraikan dengan pihak berkuasa yang berkaitan di dalam negara, berdaftar dan memegang sijil, lesen atau kebenaran serupa untuk pengangkutan yang dijadualkan dan selaras dengan kebenaran tersebut, mengekalkan dan menerbitkan jadual dan tarif bagi perkhidmatan penumpang di antara lapangan terbang, stesen keretapi dan pelabuhan di waktu yang tetap dan dinyatakan. Untuk semua tujuan yang dimaksudkan, pengangkutan bercarter tidak boleh ditafsirkan sebagai pengangkutan berjadual.

Penyakit Berjangkit bermakna sebarang penyakit yang boleh merebak melalui sebarang bahan atau agen daripada apa sahaja organisma kepada organisma lain yang mana:

- bahan atau agen tersebut terdiri daripada, tetapi tidak terhad kepada, virus, bakterium, parasit atau organisma lain atau ubahannya, sama ada dianggap hidup atau tidak,
- cara jangkitan, sama ada langsung atau tidak langsung, termasuk tetapi tidak terhad kepada, cara jangkitan bawaan udara, carajangkitan cecair badan, carajangkitan daripada atau kepada sebarang permukaan atau objek, pejal, cecair atau gas atau antara organisma, dan
- penyakit, bahan atau agen tersebut boleh menyebabkan atau mengancam kerosakan kepada kesihatan manusia atau kebajikan manusia atau boleh menyebabkan atau mengancam kerosakan kepada, kemerosotan, kehilangan nilai, kebolehpasaran atau kehilangan penggunaan harta.

Penyakit Berjangkit merangkumi istilah Penyakit Boleh Pindah dan bermaksud sebarang penyakit yang boleh berjangkit daripada manusia, haiwan, spesies, atau organisma yang dijangkiti kepada orang lain melalui sebarang cara. Penyakit berjangkit tertentu boleh mengakibatkan wabak yang boleh diisytiharkan sebagai Kecemasan Kesihatan Awam bagi Kebimbangan Antarabangsa (PHEIC) oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

Peserta bermaksud orang yang di mana Sijil dikeluarkan untuk menyediakan perlindungan kepada Orang Yang Dilindungi.

Pemendekan Perjalanan bermaksud pemendekan atau pengurangan tempoh Perjalanan Anda selepas ketibaan Anda di destinasi yang ditempah seperti yang ditunjukkan pada invoice tempahan dan kembali terus ke tempat kediaman di Malaysia secepat mungkin disebabkan oleh:

- Anda mengalami Kecederaan Badan Serius atau Penyakit Serius;
 - Kematian, Kecederaan Badan Serius atau Penyakit Serius yang menimpa Keluarga atau Rakan Perjalanan Anda;
 - Rampasan kapal terbang di mana Anda berada di dalamnya sebagai penumpang;
 - Bencana alam;
 - Tindakan Pengganas; atau
 - Kebakaran atau bencana alam yang menyebabkan kerosakan serius kepada tempat kediaman Anda di Malaysia;
- yang menghalang Anda daripada meneruskan Perjalanan yang dirancang.

Laporan perubatan hendaklah diperolehi daripada Pengamal Perubatan yang merawat Orang Yang Dilindungi atau Keluarga yang mengesahkan Kecederaan Badan Serius atau Penyakit Serius.

Pengamal Perubatan bermaksud doktor, pakar perubatan, pakar bedah, atau pakar, yang berdaftar untuk mengamalkan perubatan barat, yang semasa memberikan rawatan itu, mengamalkannya mengikut skop pelesenan dan latihannya dalam kawasan geografi amalan di mana rawatan tersebut disediakan. Doktor yang merawat bukan Anda, Pasangan, Rakan Perjalanan, rakan kongsi perniagaan, majikan, pekerja, ejen atau individu yang berkaitan dengan Anda dalam apa jua cara melalui pertalian darah, perkahwinan, atau pengambilan keluarga angkat.

Peralatan Golf bermaksud peralatan berkaitan golf yang biasa digunakan untuk bermain golf, termasuk kayu, kasut golf, beg golf dan troli golf tidak bermotor. Peralatan golf tidak termasuk peralatan seperti, sarung tangan, aksesori kepala, cermin mata, bola golf, penanda bola, tee, dan pelindung kepala (topi).

Perbelanjaan Pembatalan bermaksud kehilangan deposit atau caj yang tidak boleh diperolehi semula/ditebus untuk bayaran pendahuluan bagi perjalanan atau penginapan atau caj lain yang dilucut hak menurut peruntukan kontrak berkaitan yang mana bukti pelucutan hak tersebut harus disediakan.

Pelan bermaksud perlindungan yang ditunjukkan di dalam Sijil Perlindungan:

- Pelan Individu** bermaksud pelan untuk Orang Yang Dilindungi yang dinamakan di dalam Sijil Perlindungan yang berumur di antara enam belas (16) dan tujuh puluh (70) tahun,
- Pelan Warga Emas** bermaksud pelan untuk Orang Yang Dilindungi yang dinamakan di dalam Sijil Perlindungan yang berumur di antara tujuh puluh satu (71) tahun dan lapan puluh (80) tahun,
- Pelan Keluarga** bermaksud Sijil melindungi Anda, Pasangan Sah Anda dan Anak-anak Sah Anda yang dinamakan di dalam Sijil Perlindungan.
- Pelan Berkumpulan** bermaksud pelan untuk Orang Yang Dilindungi dan Rakan Perjalanan yang dinamakan di dalam Sijil Perlindungan yang berumur di antara enam belas (16) dan tujuh puluh (70) tahun,

Penyakit bermaksud keadaan fizikal yang ditandakan dengan penyimpangan patologikal daripada keadaan kesihatan normal seperti yang disahkan oleh Pengamal Perubatan.

Perjalanan bermaksud:

- Perjalanan Antarabangsa** bermaksud perjalanan pergi dan balik dari Malaysia ke destinasi yang dirancang ke Kawasan Perjalanan di bawah Kawasan 2, Kawasan 3 atau Kawasan 4 untuk tujuan melancong atau urusan kerja/perniagaan. Sijil Anda akan berkuat kuasa dari masa Anda meninggalkan Tempat Tinggal atau tempat kerja/perniagaan di Malaysia (mana-mana yang lebih lewat) untuk Perjalanan langsung ke tempat berlepas di Malaysia, bagi memulakan perjalanan ke destinasi luar negara yang dimaksudkan dan dalam apa jua keadaan, tidak akan bermula lebih daripada dua puluh empat (24) jam sebelum masa berlepas yang ditempah dan tamat pada mana-mana keadaan berikut yang berlaku terlebih dahulu:
 - Tamat Tempoh Takaful pada jam 23:59 malam waktu Malaysia, pada tarikh yang dinyatakan dalam Sijil Perlindungan.
 - Sejurus tiba di Tempat Tinggal Anda;
 - Dua puluh empat (24) jam selepas ketibaan Anda di Malaysia dari destinasi luar negara;
 - Bagi Perjalanan Sehala ke luar negara, perlindungan tamat tujuh puluh dua (72) jam dari masa ketibaan yang dijadualkan di destinasi akhir Perjalanan. Transit di negara-negara lain dibenarkan dengan syarat Anda hanya berada di kawasan transit di lapangan terbang negara-negara tersebut.

Tempoh di bawah 'Satu Perjalanan' tidak boleh melebihi seratus lapan puluh (180) hari berturut-turut dari tarikh permulaan perjalanan tersebut.

Perjalanan Tahunan meliputi bilangan perjalanan yang tidak terhad tetapi tempoh bagi satu perjalanan tidak boleh melebihi (90) hari berturut-turut dari tarikh permulaan perjalanan tersebut.

- Perjalanan Domestik** bermaksud perjalanan pergi balik dalam Malaysia untuk tujuan melancong atau urusan kerja/perniagaan. Sijil Anda akan berkuat kuasa dari masa Anda meninggalkan Tempat Tinggal atau tempat kerja/perniagaan di Malaysia (mana-mana yang lebih lewat) ke destinasi yang dimaksudkan di Malaysia. Ini tidak termasuk sebarang perjalanan harian atau rutin pergi dan balik dari tempat perniagaan, pekerjaan atau kerja Anda. Perjalanan tamat pada mana-mana yang berikut yang berlaku terlebih dahulu:
 - Sejurus tiba di Tempat Tinggal Anda; atau
 - Tamat Tempoh Takaful pada jam 23:59 malam waktu Malaysia, pada tarikh yang dinyatakan dalam Sijil Perlindungan.

Tempoh di bawah 'Satu Perjalanan' tidak boleh melebihi tiga puluh (30) hari berturut-turut dari tarikh permulaan perjalanan tersebut.

Perjalanan Tahunan meliputi bilangan perjalanan yang tidak terhad tetapi tempoh bagi satu perjalanan tidak boleh melebihi tiga puluh (30) hari berturut-turut dari tarikh permulaan perjalanan tersebut.

Perjalanan sehala adalah tidak dibenarkan.

Perjalanan Sehala bermaksud satu perjalanan keluar daripada Tempat Tinggal atau kerja/perniagaan Anda di Malaysia ke destinasi luar negara, dan tiada tiket pergi balik dibeli untuk kembali ke Tempat Tinggal atau kerja/perniagaan Anda di Malaysia. Ia hanya layak dalam keadaan berikut:

- a) penghijrahan; dan
- b) memulakan atau menyambung semula pengajian pendidikan di institusi pengajian tinggi yang diiktiraf di luar negara.

Pihak Menuntut bermaksud orang yang layak membuat tuntutan ke atas Manfaat takaful, mengikut terma-terma dan syarat-syarat di dalam Sijil ini.

Qard dalam konteks Sijil ini, ia bermaksud pinjaman tanpa faedah yang diberikan oleh Kami kepada Dana Takaful Am apabila ia tidak mencukupi untuk menanggung kewajipan Takaful dengan syarat kekurangan tersebut bukan disebabkan oleh salah urus atau kecuaiian Kami. Pinjaman tersebut akan dibayar semula menggunakan lebihan pada masa hadapan daripada Dana Takaful Am. Jika kekurangan tersebut disebabkan oleh salah urus atau kecuaiian Kami, Kami akan membuat pemindahan secara langsung untuk kekurangan tersebut.

Sijil bermaksud kontrak takaful Anda yang meliputi pernyataan Sijil ini, Sijil Perlindungan, Jadual dan sebarang Endorsemen.

Sumbangan bermaksud apa-apa jumlah yang Kami tetapkan untuk Anda bayar di bawah Sijil ini dan termasuk caj-caj yang ditetapkan oleh Kerajaan.

Rompakan bermaksud kecurian diikuti kemasukan atau keluar secara paksa dan ganas dari premis.

Sijil Perlindungan bermaksud dokumen yang dikeluarkan oleh Kami kepada Anda selepas Anda memohon perlindungan dengan Kami yang menunjukkan butiran perlindungan Anda. Dokumen ini hendaklah dibaca bersama dengan terma dan syarat di dalam Sijil Takaful Anda.

Tabarru' bermaksud sumbangan, derma atau hadiah. Dalam konteks Sijil ini, ia bermaksud Sumbangan untuk tujuan Takaful. Bahagian ini disimpan dalam Dana Takaful Am.

Tarikh Takaful Berkuatkuasa bermaksud tarikh berkuatkuasa dalam Sijil Perlindungan dan/atau Jadual.

Setiap Hari Kemasukan ke Hospital ditakrifkan sebagai hari di mana Hospital mengenakan bayaran untuk bilik dan makanan kepada Orang Yang Dilindungi untuk kemasukan sebagai pesakit dalam bagi tempoh sekurang-kurangnya dua puluh empat (24) jam atas syor daripada Pengamal Perubatan.

Sukan dan Aktiviti Berbahaya bermaksud sebarang sukan atau aktiviti yang memerlukan tahap kemahiran dan melibatkan pendedahan kepada risiko, termasuk tetapi tidak terhad kepada:

- a) Sebarang pertandingan kelajuan atau perlumbaan (selain daripada berjalan kaki);
- b) Sebarang pertandingan atau sukan profesional;
- c) Perlumbaan, perhimpunan motor, menunggang kuda dan pertandingan;
- d) Pendakian (dengan semestinya memerlukan penggunaan tali dan panduan), memanjat bukit, meneroka gua, pot-holing, kembara berjalan kaki/merentas di kawasan terpencil kecuali dengan pengajar yang berlesen;
- e) Sebarang aktiviti yang melibatkan Orang Yang Dilindungi yang diterbangkan (sama ada digantung atau tidak) tidak terhad kepada terjun payung terjun, belon, meluncur tangan, terjun bungee, terjun udara atau menyelam dari aras tinggi;
- f) Mana-mana aktiviti di bawah air yang melibatkan penggunaan alat pernafasan di bawah air, sukan air, berakit meredah jeram, pelayaran lautan;
- g) Sukan musim sejuk (tidak termasuk lencongan dan luncur);
- h) Persatuan atau bola sepak ragbi;
- i) Motorsikal (kecuali dilesenkan di negara tempat Kemalangan berlaku dan memakai topi keledar);
- j) Ekspedisi; atau
- k) Perjalanan memburu.

Rakan Perjalanan bermaksud Orang Yang Dilindungi, yang merupakan Rakan Perjalanan Anda (yang mana Perjalanan Anda bergantung kepadanya), yang menemani Anda sepanjang tempoh Perjalanan Anda, termasuk berlepas dan pulang bersama Anda.

Rampasan bermaksud penyitaan dan mengambil alih kawalan Pengangkutan Awam secara menyalahi undang-undang dari krew yang tetap dengan menggunakan atau mengancam untuk menggunakan keganasan.

Tempat Tinggal bermaksud tempat kediaman biasa Anda di Malaysia.

Tempoh Takaful bermaksud tempoh semasa perlindungan di bawah Sijil ini berkuatkuasa, seperti dinyatakan di dalam Sijil Perlindungan dan/atau Jadual.

Sebab Yang Dinyatakan bermaksud:

- a) Kematian Anda, Keluarga atau Rakan Perjalanan (tidak termasuk penyakit dan/atau insiden yang timbul daripada COVID-19);
- b) Kecederaan Badan dan/atau Penyakit yang memerlukan Anda, Keluarga atau Rakan Perjalanan dimasukkan ke Hospital (tidak termasuk penyakit dan/atau insiden yang timbul daripada COVID-19), dan disahkan oleh Doktor tidak layak untuk meneruskan Perjalanan;
- c) Saman untuk menghadiri prosiding undang-undang yang tidak dimaklumkan kepada Anda sebelum menyertai Sijil ini
- d) Pembatalan perkhidmatan Pengangkutan Awam yang dijadualkan berikutan mogok, rusuhan atau kekecohan awam;
- e) Berikutan pengumuman pertama, nasihat, amaran, sekatan dan/atau pengisytiharan yang dikeluarkan oleh mana-mana badan kerajaan dari kerajaan Malaysia, dan/atau kerajaan mana-mana negara destinasi termasuk PBB, WHO, dan/atau mana-mana pihak berkuasa global yang lain mengisytiharkan tidak selamat, berbahaya, tidak menentu dan/atau berbahaya bagi mana-mana perjalanan yang akan dilakukan sehingga pengumuman, nasihat, amaran, sekatan dan/atau pengisytiharan sedemikian ditarik balik dan/atau disingkirkan sepenuhnya dan/atau sepenuhnya dan/atau dengan berkesan; Semua atau mana-mana pengumuman, nasihat, amaran, sekatan dan/atau pengisytiharan lain dan/atau seterusnya tidak boleh dianggap sebagai peristiwa yang berasingan dan berbeza daripada pengumuman pertama;
- f) Bencana alam yang menghalang Orang Yang Dilindungi daripada meneruskan Perjalanan yang dirancang; atau
- g) Kediaman Orang Yang Dilindungi menjadi tidak boleh didiami berikutan kebakaran, ribut atau kejadian banjir yang mana kehadiran Orang Yang Dilindungi adalah diperlukan di premis pada tarikh berlepas yang dijadualkan seperti yang dinyatakan di atas tiket Perjalanan,

di mana, untuk perenggan (a) sehingga (f), kejadian yang disebut berlaku dalam tempoh tiga puluh (30) hari sebelum tarikh berlepas yang dijadualkan seperti yang dinyatakan di dalam tiket Perjalanan, dan untuk perenggan (g), kejadian berlaku dalam tempoh tujuh (7) hari sebelum tarikh berlepas yang dijadualkan seperti yang dinyatakan di dalam tiket Perjalanan.

Wakalah adalah merujuk kepada kontrak di mana satu pihak, sebagai prinsipal memberi kuasa kepada pihak lain sebagai ejennya untuk melakukan tugas-tugas tertentu berkenaan hal-hal yang dipertanggungjawabkan, dengan atau tanpa mengenakan sebarang fi. Dalam konteks Sijil ini, ia bermaksud Anda telah melantik Kami untuk melabur dan menguruskan Dana Takaful Am bagi pihak Anda. Anda juga memberikan kuasa kepada

Kami untuk mewakili hak, tanggungjawab dan kewajipan kepada mana-mana pihak ketiga sebagaimana yang dianggap sesuai oleh Kami. Sekiranya ada perwakilan sedemikian, Kami akan tetap bertanggungjawab terhadap semua hak, tanggungjawab dan kewajipan terhadap Anda.

Wang Peribadi bermakna mata wang kertas, tunai atau kesetaraan tunai, cek, kiriman wang pos atau cek kembang yang disimpan untuk tujuan peribadi.

KAWASAN PERJALANAN

Kawasan 1 (Domestik)	Malaysia
Kawasan 2 (Negara-negara Asia seperti yang dinyatakan)	Bangladesh, Bhutan, Brunei, Cambodia, China (kecuali Mongolia), Filipina, Hong Kong, India, Indonesia, Jepun, Korea Selatan, Laos, Macau, Maldives, Pakistan, Sikkim, Singapura, Sri Lanka, Taiwan, Thailand, Timor Leste dan Vietnam.
Kawasan 3	Seluruh dunia kecuali Malaysia, Amerika Syarikat Kanada dan Negara yang Dikenakan Sekatan*
Kawasan 4	Seluruh dunia kecuali Malaysia dan Negara yang Dikenakan Sekatan*
*Negara yang Dikenakan Sekatan	Cuba, Iran, Korea Utara, Syria, Ukraine, Rusia, Myanmar, Iraq, Palestin, Afghanistan, Belarus, Venezuela, Sudan, Sudan Selatan, Israel, Antartika, Nepal dan Libya.

JADUAL MANFAAT

Seksyen	Ringkasan Manfaat (Setiap Perjalanan)	Jumlah Manfaat Maksimum (RM) Setiap Individu, Setiap Perjalanan			
		Domestik	Antarabangsa		
			Perak	Emas	Platinum
A	Manfaat Kemalangan Diri				
A1	Kematian atau Hilang Upaya Kekal Akibat Kemalangan a. Setiap Dewasa / Warga Emas; b. Setiap Anak; atau c. Setiap Keluarga	50,000 10,000 150,000	100,000 40,000 300,000	300,000 100,000 900,000	500,000 100,000 1,500,000
B	Manfaat Perbelanjaan Perubatan	Akibat Kemalangan Sahaja	Akibat Kemalangan atau Penyakit		
B1	Perbelanjaan Berkaitan Perubatan (sehingga)	50,000 125,000 (had keluarga keseluruhan)	100,000 250,000 (had keluarga keseluruhan)	300,000 750,000 (had keluarga keseluruhan)	500,000 1,500,000 (had keluarga keseluruhan)
B2	Perbelanjaan Rawatan Susulan (sehingga)	5,000 12,500 (had keluarga keseluruhan)	5,000 12,500 (had keluarga keseluruhan)	10,000 25,000 (had keluarga keseluruhan)	30,000 75,000 (had keluarga keseluruhan)
B3	Perbelanjaan Rawatan Alternatif (sehingga)	Tidak Dilindungi	Tidak Dilindungi	Tidak Dilindungi	1,000 2,500 (had keluarga keseluruhan)
B4	Penjagaan Ihsan (sehingga)	Tidak Dilindungi	5,000	5,000	5,000
B5	Penjagaan Anak / Penghantaran Pulang Anak (sehingga)	Tidak Dilindungi	5,000	5,000	5,000
B6	Elaun Kemasukan ke Hospital (sehingga 20 hari)	150 sehari 375 sehari (had keluarga keseluruhan)	150 sehari 375 sehari (had keluarga keseluruhan)	250 sehari 625 sehari (had keluarga keseluruhan)	350 sehari 875 sehari (had keluarga keseluruhan)
C	Manfaat Kesulitan Perjalanan				
C1	Pembatalan atau Penangguhan Perjalanan (sehingga)	Tidak Dilindungi	Tidak Dilindungi	20,000 50,000 (had keluarga keseluruhan)	50,000 125,000 (had keluarga keseluruhan)
C2	Pemendekan Perjalanan (sehingga)	Tidak Dilindungi	Tidak Dilindungi	20,000 50,000 (had keluarga keseluruhan)	50,000 125,000 (had keluarga keseluruhan)
C3	Gangguan Perjalanan (sehingga)	Tidak Dilindungi	Tidak Dilindungi	2,000 5,000 (had keluarga keseluruhan)	5,000 12,500 (had keluarga keseluruhan)

Seksyen	Ringkasan Manfaat (Setiap Perjalanan)	Jumlah Manfaat Maksimum (RM) Setiap Individu, Setiap Perjalanan			
		Domestik	Antarabangsa		
			Perak	Emas	Platinum
C4	Kelewatan Perjalanan (sehingga)	RM100 untuk kelewatan 2 jam lengkap 250 (had keluarga keseluruhan)	1,000 2,500 (had keluarga keseluruhan) RM100 untuk kelewatan 2 jam lengkap pertama, RM250 untuk setiap kelewatan 6 jam yang lengkap berikutnya	2,000 5,000 (had keluarga keseluruhan) RM100 untuk kelewatan 2 jam lengkap pertama, RM250 untuk setiap kelewatan 6 jam yang lengkap berikutnya	5,000 12,500 (had keluarga keseluruhan) RM250 untuk kelewatan 2 jam lengkap pertama, RM500 untuk setiap kelewatan 6 jam yang lengkap berikutnya
C5	Kelewatan Bagasi (sekurang-kurangnya 6 jam)	Semasa ketibaan di destinasi Domestik 500 1,250 (had keluarga keseluruhan)	Semasa ketibaan di luar negara 500 1,250 (had keluarga keseluruhan)	Semasa ketibaan di luar negara 800 2,000 (had keluarga keseluruhan)	Semasa ketibaan di luar negara 1,000 2,500 (had keluarga keseluruhan)
		Kelewatan bagasi semasa kembali ke Tempat Tinggal Anda tidak dilindungi	Semasa kembali ke Malaysia 100 250 (had keluarga keseluruhan)	Semasa kembali ke Malaysia 150 375 (had keluarga keseluruhan)	Semasa kembali ke Malaysia 200 500 (had keluarga keseluruhan)
C6	Terlepas Sambungan Perjalanan (sekurang-kurangnya 6 jam)	Tidak Dilindungi	400 1,000 (had keluarga keseluruhan)	500 1,250 (had keluarga keseluruhan)	600 1,500 (had keluarga keseluruhan)
C7	Kesulitan disebabkan oleh Rampasan (RM250 untuk setiap 24 jam)	Tidak Dilindungi	Tidak Dilindungi	Sehingga 500 1,250 (had keluarga keseluruhan)	Sehingga 1,000 2,500 (had keluarga keseluruhan)
C8	Perjalanan Terlebih Tempah	Tidak Dilindungi	Tidak Dilindungi	350 875 (had keluarga keseluruhan)	500 1,250 (had keluarga keseluruhan)
D	Manfaat Kehilangan atau Kerosakan Barangan Peribadi				
D1	Kehilangan atau Kerosakan Bagasi dan/atau Barangan Peribadi (sehingga)	1,000 2,500 (had keluarga keseluruhan)	1,000 2,500 (had keluarga keseluruhan)	3,000 7,500 (had keluarga keseluruhan)	5,000 12,500 (had keluarga keseluruhan)
	a) Had maksimum untuk kehilangan atau kerosakan Bagasi	200 500 (had keluarga keseluruhan)	200 500 (had keluarga keseluruhan)	800 2,000 (had keluarga keseluruhan)	1,000 2,500 (had keluarga keseluruhan)
	b) Had maksimum untuk kehilangan atau kerosakan terhadap Barangan Peribadi - terhadap kepada RM500 untuk mana-mana satu (1) barang atau sepasang atau set barang;	400 1,000 (had keluarga keseluruhan)	400 1,000 (had keluarga keseluruhan)	1,200 3,000 (had keluarga keseluruhan)	2,000 5,000 (had keluarga keseluruhan)
	c) Had maksimum untuk kehilangan atau kerosakan terhadap Barangan elektronik - terhadap kepada komputer riba, komputer tablet dan telefon bimbit sahaja.	400 1,000 (had keluarga keseluruhan)	400 1,000 (had keluarga keseluruhan)	1,000 2,500 (had keluarga keseluruhan)	2,000 5,000 (had keluarga keseluruhan)
	(Ekses RM100 terpakai bagi setiap Orang Yang Dilindungi)				

Seksyen	Ringkasan Manfaat (Setiap Perjalanan)	Jumlah Manfaat Maksimum (RM) Setiap Individu, Setiap Perjalanan			
		Domestik	Antarabangsa		
			Perak	Emas	Platinum
D2	Wang Peribadi atau Penggunaan Kad Tanpa Kebenaran (sehingga) (Ekses RM100 terpakai bagi setiap Orang Yang Dilindungi)	Tidak Dilindungi	Tidak Dilindungi	1,000 2,500 (had keluarga keseluruhan)	1,500 3,750 (had keluarga keseluruhan)
D3	Kehilangan Dokumen Perjalanan (Ekses RM100 terpakai bagi setiap Orang Yang Dilindungi)	Tidak Dilindungi	Tidak Dilindungi	1,000 2,500 (had keluarga keseluruhan)	1,500 3,750 (had keluarga keseluruhan)
D4	Perlindungan Rumah - terhad kepada RM500 untuk mana-mana satu (1) barang atau sepasang atau set barang, sehingga	500 1,250 (had keluarga keseluruhan)	1,000 2,500 (had keluarga keseluruhan)	1,000 2,500 (had keluarga keseluruhan)	1,000 2,500 (had keluarga keseluruhan)
E	Manfaat Liabiliti				
E1	Liabiliti Peribadi (sehingga)	200,000 500,000 (had keluarga keseluruhan)	200,000 500,000 (had keluarga keseluruhan)	1,000,000 2,500,000 (had keluarga keseluruhan)	2,000,000 5,000,000 (had keluarga keseluruhan)
F	Manfaat Perkhidmatan Kecemasan	Akibat Kemalangan Sahaja	Akibat Kemalangan atau Penyakit		
F1	Pemindahan Perubatan Kecemasan dan Penghantaran Pulang (sehingga)	500,000	500,000	1,000,000	1,500,000
F2	Penghantaran Pulang dan Pengebumian Jenazah (sehingga)	500,000	500,000	1,000,000	1,500,000
G	Manfaat COVID-19 (Terpakai untuk Perjalanan Antarabangsa Sahaja)				
G1	Pembatalan Perjalanan akibat COVID-19 (sehingga)	Tidak Dilindungi	5,000 12,500 (had keluarga keseluruhan)	5,000 12,500 (had keluarga keseluruhan)	5,000 12,500 (had keluarga keseluruhan)
G2	Gangguan Perjalanan akibat COVID-19 (sehingga)	Tidak Dilindungi	5,000 12,500 (had keluarga keseluruhan)	5,000 12,500 (had keluarga keseluruhan)	5,000 12,500 (had keluarga keseluruhan)
G3	Perbelanjaan Perubatan di Luar Negara Akibat COVID-19 (sehingga)	Tidak Dilindungi	300,000 750,000 (had keluarga keseluruhan)	300,000 750,000 (had keluarga keseluruhan)	300,000 750,000 (had keluarga keseluruhan)
G4	Pemindahan Perubatan Kecemasan dan Penghantaran Pulang Akibat COVID-19 (sehingga)	Tidak Dilindungi	100,000 250,000 (had keluarga keseluruhan)	100,000 250,000 (had keluarga keseluruhan)	100,000 250,000 (had keluarga keseluruhan)
G5	Penghantaran Pulang dan Pengebumian Jenazah Akibat COVID-19 (sehingga)	Tidak Dilindungi	100,000 250,000 (had keluarga keseluruhan)	100,000 250,000 (had keluarga keseluruhan)	100,000 250,000 (had keluarga keseluruhan)
H	Manfaat Aktiviti-aktiviti Sukan Berbahaya (Manfaat Pilihan untuk Perjalanan Domestik dan Antarabangsa)				
H1	Melindungi Anda sekiranya berlaku Kematian atau Hilang Upaya di bawah Seksyen A , Manfaat Perbelanjaan Perubatan di bawah Seksyen B dan Perkhidmatan Bantuan Kecemasan di bawah Seksyen F .	Tersedia Sila rujuk Jumlah Manfaat di bawah Seksyen A, Seksyen B atau Seksyen F masing-masing yang mana berkenaan	Tersedia Sila rujuk Jumlah Manfaat di bawah Seksyen A, Seksyen B atau Seksyen F masing-masing yang mana berkenaan	Tersedia Sila rujuk Jumlah Manfaat di bawah Seksyen A, Seksyen B atau Seksyen F masing-masing yang mana berkenaan	Tersedia Sila rujuk Jumlah Manfaat di bawah Seksyen A, Seksyen B atau Seksyen F masing-masing yang mana berkenaan

I Perlindungan Rumah Lanjutan (Manfaat Pilihan untuk Perjalanan Antarabangsa Sahaja)					
I1	Perlindungan Rumah Lanjutan – terhad kepada RM1,000 bagi setiap satu barangan atau sepasang atau satu set barangan, sehingga	Tidak Dilindungi	20,000 20,000 (had keluarga keseluruhan)	20,000 20,000 (had keluarga keseluruhan)	20,000 20,000 (had keluarga keseluruhan)
J Manfaat Golf (Manfaat Pilihan untuk Perjalanan Domestik dan Antarabangsa)					
J1	Kehilangan atau kerosakan peralatan golf (sehingga)	1,000 2,500 had keluarga keseluruhan)	2,000 5,000 had keluarga keseluruhan)	2,000 5,000 had keluarga keseluruhan)	2,000 5,000 had keluarga keseluruhan)
J2	Yuran padang golf yang tidak digunakan (sehingga) (Ekses RM100 terpakai bagi setiap Orang Yang Dilindungi)	Akibat Kemalangan Sahaja	Akibat Kemalangan atau Penyakit		
		500 1,250 had keluarga keseluruhan)	1,000 2,500 (had keluarga keseluruhan)	1,000 2,500 (had keluarga keseluruhan)	1,000 2,500 (had keluarga keseluruhan)
K Manfaat Ekses Sewa Kereta (Manfaat Pilihan untuk Perjalanan Antarabangsa Sahaja)					
K1	Manfaat Ekses Sewa Kereta	Tidak Dilindungi	1,000 2,500 (had keluarga keseluruhan)	2,500 5,000 (had keluarga keseluruhan)	2,500 5,000 (had keluarga keseluruhan)
L Manfaat Kehilangan atau Kerosakan Barangan Peribadi (Manfaat Pilihan untuk Perjalanan Antarabangsa Sahaja)					
L1	Kehilangan atau Kerosakan Bagasi dan/atau Barangan Peribadi (sehingga) a) Had maksimum untuk kehilangan atau kerosakan Bagasi b) Had maksimum untuk kehilangan atau kerosakan terhadap Barangan Peribadi - terhad kepada RM500 untuk mana-mana satu (1) barang atau sepasang atau set barang; c) Had maksimum untuk kehilangan atau kerosakan terhadap Barangan elektronik - terhad kepada komputer riba, komputer tablet dan telefon bimbit sahaja.	Tidak Dilindungi	Tidak Dilindungi	Tidak Dilindungi	11,500 28,750 (had keluarga keseluruhan) 3,000 7,500 (had keluarga keseluruhan) 6,000 15,000 (had keluarga keseluruhan) 2,500 6,250 (had keluarga keseluruhan)

- Nota:**
- Manfaat D1, D2, D3 dan J2, adalah tertakluk kepada Ekses RM100 untuk setiap tuntutan.
 - Setiap Keluarga merujuk kepada jumlah maksimum manfaat yang boleh dibayar di bawah setiap seksyen manfaat untuk semua Orang yang Dilindungi di bawah Pelan Keluarga, untuk mana-mana setiap perjalanan.

KETERANGAN MANFAAT

SEKSYEN A – MANFAAT KEMALANGAN DIRI

A1. Kematian atau Hilang Upaya Kekal Akibat Kemalangan

Sekiranya, dalam Tempoh Takaful, semasa Anda dalam Perjalanan yang dirancang, mengalami Kecederaan Badan yang mengakibatkan Kematian atau Hilang Upaya Kekal yang dinyatakan di bawah, dalam masa lima puluh dua (52) minggu dari tarikh Kemalangan, Kami akan membayar kadar Jumlah Manfaat yang berkaitan seperti yang dinyatakan di bawah:

Kejadian	Kadar Jumlah Manfaat yang Dibayar
1. Kematian Akibat Kemalangan	100%
2. Hilang Upaya Kekal Menyeluruh Akibat Kemalangan	100%
3. Kehilangan Kekal dan Menyeluruh Pertuturan dan Pendengaran	100%
4. Kehilangan penglihatan pada kedua-dua belah Mata	100%
5. Kehilangan penggunaan dua (2) Anggota Badan	100%
6. Kehilangan penggunaan Satu (1) Anggota Badan	50%
7. Kehilangan penglihatan pada satu (1) Mata	50%
8. Kehilangan Kekal Pertuturan	50%
9. Kehilangan Kekal dan Menyeluruh bagi Pendengaran	50%

Kejadian	Kadar Jumlah Manfaat yang Dibayar
a) Kedua-dua Telinga; atau	50%
b) Sebelah Telinga	20%

Syarat-syarat untuk Seksyen A

Apa-apa kerugian tertentu yang berlaku di mana ganti rugi perlu dibayar di bawah Seksyen A1(1) sehingga Seksyen A1(5), akan menamatkan semua perlindungan di bawah Sijil ini, tetapi penamatan sedemikian hendaklah tanpa menjejaskan apa-apa tuntutan lain yang berpunca daripada Kemalangan yang sama yang menyebabkan kehilangan tersebut. Manfaat maksimum yang dibayar di bawah Seksyen A adalah terhad kepada 100% daripada Jumlah Manfaat seperti yang dinyatakan dalam jadual Manfaat dan tiada Manfaat hilang upaya separa akan dibayar.

SEKSYEN B – MANFAAT PERBELANJAAN PERUBATAN

Kami akan membayar sehingga had Jumlah Manfaat seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat untuk perbelanjaan perlu dan munasabah yang ditanggung seperti berikut dalam Tempoh Takaful yang membolehkan Anda membuat tuntutan akibat Kecederaan Badan atau Penyakit semasa dalam Perjalanan.

Bagi perjalanan Domestik, Manfaat Perbelanjaan Perubatan ini hanya terpakai atas sebab-sebab Kemalangan.

B1. Perbelanjaan Berkaitan Perubatan

Pembayaran balik sehingga had Jumlah Manfaat yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat berkaitan dengan perbelanjaan yang perlu dan munasabah untuk rawatan perubatan yang ditanggung termasuk tetapi tidak terhad kepada kos rawatan pergigian kecemasan semasa Perjalanan.

Sekiranya berlaku Kemasukan ke Hospital (untuk pelan antarabangsa), apa-apa perbelanjaan perubatan pesakit dalam yang ditanggung yang secara langsung berkaitan dengan Kecederaan Badan atau Penyakit semasa Perjalanan Anda akan berdasarkan kemasukan tanpa tunai.

Apa-apa tuntutan perbelanjaan perubatan pesakit luar bagi jumlah tidak melebihi Ringgit Malaysia Tiga Ribu (RM3,000) bagi setiap Kemalangan/kejadian adalah dengan kaedah pembayaran balik.

B2. Perbelanjaan Rawatan Susulan

Pembayaran balik sehingga had Jumlah Manfaat yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat bagi perbelanjaan perubatan susulan, Hospital dan rawatan yang diperlukan (termasuk kos ambulans persendirian atau caj khidmat jururawat profesional di rumah jika disyorkan oleh doktor yang merawat Anda) yang ditanggung oleh Anda di Malaysia dalam tempoh tiga (3) bulan selepas kembali dari Perjalanan.

Jika Anda tidak mendapatkan rawatan awal untuk Kecederaan Badan atau Penyakit yang dialami semasa perjalanan di luar negara, Kami hanya akan membayar balik perbelanjaan perubatan yang ditanggung dengan syarat rawatan diperolehi dalam tempoh dua puluh empat (24) jam selepas ketibaan Anda di Malaysia.

B3. Perbelanjaan Rawatan Alternatif

Pembayaran balik sehingga had Jumlah Manfaat yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat bagi perbelanjaan yang perlu dan munasabah yang ditanggung dalam mencari rawatan alternatif, berikutan Kemalangan atau Penyakit yang dialami oleh Anda semasa Perjalanan, yang ditanggung oleh Anda di Malaysia dalam tempoh tiga (3) bulan selepas kembali dari Perjalanan tersebut.

Rawatan tersebut hendaklah dilakukan oleh pengamal perubatan tradisional yang berdaftar, osteopati, pakar fisioterapi dan/atau kiropraktor, dengan syarat rawatan diperolehi daripada Pengamal Perubatan terlebih dahulu. Manfaat ini tidak termasuk rawatan yang diberikan oleh Anda sendiri, Pasangan, Rakan Perjalanan, rakan kongsi perniagaan, majikan, pekerja, ejen atau individu yang berkaitan dengan Anda dalam apa jua cara melalui pertalian darah, perkahwinan, atau pengambilan keluarga angkat.

B4. Penjagaan Ihsan

Pembayaran balik sehingga had Jumlah Manfaat yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat bagi perbelanjaan penginapan tambahan yang munasabah, komunikasi, tiket penerbangan pergi balik kelas ekonomi, perbelanjaan Perjalanan di antara Malaysia dan tempat kejadian, dan makanan yang ditanggung oleh seorang (1) yang dikehendaki untuk membuat Perjalanan:

1. Untuk menjaga Anda semasa Anda dimasukkan sebagai pesakit dalam di Hospital luar negara dan atas nasihat perubatan daripada Pengamal Perubatan; atau
2. Untuk membantu penghantaran pulang atau pengebumian atau pembakaran jenazah Anda di lokasi kematian Anda.

dengan syarat tiada orang dewasa yang turut serta semasa Perjalanan tersebut.

B5. Penjagaan Anak / Penghantaran Pulang Anak

Pembayaran balik sehingga had Jumlah Manfaat yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat bagi perbelanjaan penginapan tambahan yang munasabah, komunikasi, tiket penerbangan pergi balik kelas ekonomi, perbelanjaan Perjalanan di antara Malaysia dan tempat kejadian, dan makanan yang ditanggung oleh seorang (1) untuk menjaga dan/atau menemani Anak-anak Anda, di bawah lapan belas (18) tahun, kembali ke Malaysia akibat daripada Penghospitalkan atau kematian Anda, dengan syarat tiada orang dewasa yang turut serta semasa Perjalanan tersebut.

B6. Elaun Kemasukan ke Hospital

Sekiranya dalam Perjalanan, Anda dimasukkan ke Hospital, Kami akan membayar Pendapatan Harian Hospital sehingga had Jumlah Manfaat yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat bagi setiap hari penuh Kemasukan ke Hospital, dengan syarat tuntutan yang sah dibayar di bawah Seksyen B1. Bayaran Manfaat tidak akan melebihi dua puluh (20) hari bagi Kemasukan ke Hospital tersebut.

Pengecualian-kecualian untuk Seksyen B

Kami tidak akan membayar tuntutan yang berkaitan dengan:

1. Prosedur eksperimen, elektif atau penyiasatan atau pemeriksaan perubatan bukan kecemasan, pemvaksin dan komplikasi daripadanya;
2. Pembedahan kosmetik atau plastik selain pembedahan pembentukan semula yang diperlukan oleh Kemalangan yang dilindungi;
3. Apa-apa bentuk penyembuhan (termasuk susulan) bukan berpunca daripada Kemalangan atau Penyakit, rawatan psikoanalitik, rehat pulih, fisioterapi dan detoksifikasi;
4. Rawatan oftalmologi, cermin mata, kanta sentuh, pemeriksaan mata, pembedahan biasan, alat bantu pendengaran, prostesis, rawatan gigi, rawatan pergigian, pembedahan mulut dan gigi palsu, melainkan jika ditetapkan oleh Pengamal Perubatan untuk rawatan Kecederaan Badan;
5. Apa-apa keadaan kongenital termasuk apa-apa keabnormalan perubatan atau fizikal yang wujud sejak lahir, dan juga keabnormalan fizikal neo-natal yang terbentuk dalam tempoh enam (6) bulan dari masa kelahiran;
6. Apa-apa Penyakit Berjangkit yang diisytiharkan sebagai PHEIC oleh WHO;
7. Rawatan untuk mengurangkan atau menaikkan berat badan;
8. Apa-apa penyiasatan dan rawatan gangguan tidur dan dengkur dan terapi penggantian hormon;
9. Apa-apa pengkhantaran atau perbelanjaan yang ditanggung untuk menukar jantina;
10. Sebarang derma mana-mana organ badan termasuk kos pengambilalihan dan derma;

11. Apa-apa peralatan atau alat prostetik seperti anggota tiruan, alat bantu pendengaran, perentak yang diimplankan, kanta sentuh, kanta, cermin mata dan preskripsinya;
12. Apa-apa kos dan perbelanjaan yang bersifat bukan perubatan;
13. Penjagaan peribadi, rehat pulih, penjagaan kebersihan atau detoksifikasi;
14. Apa-apa perbelanjaan perubatan yang ditanggung di luar negara selepas Kami berpendapat bahawa Anda patut untuk pulang ke Malaysia tetapi Anda menolak;
15. Apa-apa perbelanjaan perubatan yang ditanggung di luar negara yang Kami berpendapat boleh ditangguhkan untuk rawatan setelah kembali ke Malaysia; dan
16. Apabila Anda tidak layak untuk membuat Perjalanan atau Perjalanan yang bertentangan dengan nasihat Pengamal Perubatan atau untuk tujuan mendapatkan rawatan perubatan.

SEKSYEN C – MANFAAT KESULITAN PERJALANAN

C1. Pembatalan atau Penangguhan Perjalanan

Kami akan membayar balik kepada Anda Perbelanjaan Pembatalan yang ditanggung sehingga had Jumlah Manfaat yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat sekiranya Anda terpaksa membatalkan Perjalanan Anda, sebagai akibat langsung dan perlu dari mana-mana Sebab Yang Dinyatakan, sebelum permulaan Perjalanan tersebut.

Sekiranya Perjalanan Anda ditangguhkan disebabkan oleh Sebab Yang Dinyatakan, Kami akan membayar balik caj tambahan yang dikenakan berkaitan dengan sebarang bayaran terdahulu yang telah Anda bayar, akibat daripada pindaan tarikh perjalanan, sehingga had Amaun Manfaat seperti yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat.

Perlindungan bagi Pembatalan atau Penangguhan Perjalanan berkuatkuasa selepas Sijil Perlindungan dan/atau Jadual dikeluarkan dan berakhir pada permulaan Perjalanan yang dirancang.

Dengan syarat bahawa perlindungan ini hanya berkuat kuasa sekiranya Sijil ini disertai:

1. Sekurang-kurangnya tujuh (7) hari sebelum bermulanya Perjalanan tersebut; dan
2. Sebelum Anda menyedari apa-apa keadaan yang boleh membawa kepada gangguan Perjalanan Anda.

Anda hanya boleh membuat tuntutan sama ada di bawah Seksyen C1 atau Seksyen C2 bagi kejadian yang sama.

C2. Pemendekan Perjalanan

Kami akan membayar balik kepada Anda sehingga had Jumlah Manfaat yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat untuk kos prabayar yang tidak boleh diperolehi semula / ditebus bagi Perjalanan yang dirancang berkenaan dengan perbelanjaan perjalanan yang berkaitan yang akan dikira secara berkadar berdasarkan bahagian yang tidak digunakan dalam Perjalanan yang dirancang termasuk sebarang tambahan kos hotel dan penghantaran pulang ke Malaysia yang perlu dan munasabah yang ditanggung oleh sebab Pemendekan Perjalanan tersebut. Perlindungan ini hanya berkuatkuasa sekiranya disertai sebelum Anda menyedari apa-apa keadaan yang boleh membawa kepada gangguan Perjalanan yang dirancang.

Anda hanya boleh membuat tuntutan sama ada di bawah Seksyen C2 atau Seksyen C1 bagi kejadian yang sama.

Pengecualian-pengecualian untuk Seksyen C2

Kami tidak akan membayar tuntutan yang timbul secara langsung atau tidak langsung, dari segi, atau disebabkan oleh peraturan atau statut kerajaan, kelewatan atau pindaan Perjalanan yang ditempah (termasuk kesilapan, peninggalan atau keingkaran) oleh penyedia mana-mana perkhidmatan yang menjadi sebahagian daripada Perjalanan yang telah ditempah. Ini termasuklah juga ejen atau ejen pelancongan yang melaluinya Perjalanan telah ditempah, atau kegagalan mendapatkan dokumen-dokumen yang diperlukan untuk Perjalanan.

C3. Gangguan Perjalanan

Kami akan membayar balik kepada Anda sehingga had Jumlah Manfaat yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat bagi kos tambahan yang berikut, yang perlu dan munasabah sekiranya Perjalanan Anda terganggu secara tidak dijangka selama lebih daripada dua puluh empat (24) jam berturut-turut disebabkan oleh satu (1) atau lebih kejadian yang dilindungi:

1. Kos untuk menyusun semula perjalanan Anda menggunakan Pengangkutan Awam ke destinasi yang dirancang. Bayaran balik adalah bersamaan dengan tambang kelas ekonomi untuk sampai ke tempat di mana Anda sepatutnya berada mengikut jadual Perjalanan asal.
2. Kos penginapan di luar negara (caj bilik sahaja) yang ditanggung disebabkan Anda terkandas akibat sambungan antarabangsa terganggu, atau kos penginapan disebabkan Anda terkandas semasa Perjalanan pulang ke rumah.

Gangguan perjalanan mesti disebabkan oleh kejadian yang dilindungi berikut:

a) Kejadian Perjalanan Utama

Satu (1) atau lebih daripada kejadian berikut yang berlaku terdahulu di Destinasi Utama Perjalanan Anda ketika Anda sedang melakukan Perjalanan:

- i) Bencana Alam dan Keadaan Cuaca Melampau;
- ii) Kemalangan industri atau kemasukan Pengangkutan Berjadual;
- iii) Rusuhan atau kekecohan yang mengakibatkan pembatalan perkhidmatan Pengangkutan Berjadual;
- iv) Mogok yang mengakibatkan pembatalan perkhidmatan Pengangkutan Berjadual;
- v) Sebarang peristiwa yang menyebabkan penutupan ruang udara atau penutupan pelbagai lapangan terbang; atau
- vi) Kejadian Keganasan di bandar yang disenaraikan dalam jadual perjalanan Anda yang berlaku dalam tempoh tiga puluh (30) hari sebelum ketibaan yang dijadualkan di bandar tersebut atau selepas ketibaan yang dijadualkan.

b) Kejadian Lain

Satu (1) atau lebih daripada kejadian berikut berlaku semasa Anda sedang melakukan Perjalanan:

- i) Penyakit Serius atau Kecederaan Serius yang tidak dijangka yang dialami oleh Anda dan Kami bersetuju bahawa Anda perlu kekal di tempat tersebut.
- ii) Kematian tidak dijangka, Penyakit Serius atau Kecederaan Serius yang dialami oleh Rakan Perjalanan Anda.

Syarat-syarat untuk Seksyen C3

1. Anda hanya boleh membuat tuntutan sama ada Seksyen C3 atau Seksyen C4 bagi kejadian yang sama.
2. Sekiranya Anda layak menerima bayaran penuh atau sebahagian daripada perbelanjaan yang dilindungi oleh seksyen ini daripada mana-mana syarikat insurans/takaful lain, Kami hanya akan membayar sebahagian daripada jumlah tersebut secara prorata.

C4. Kelewatan Perjalanan

Kami akan membayar kepada Anda sehingga had Jumlah Manfaat yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat bagi tempoh kelewatan yang mana pengesahan perlu diberikan hanya oleh Pengangkutan Berjadual yang memberikan butiran terperinci punca kelewatan dan masa berlepas sebenar Pengangkutan Berjadual.

Sekiranya pihak Pengangkutan Awam menyediakan cara alternatif pengangkutan, tanpa kos tambahan yang akan mempengaruhi dan membantu meneruskan Perjalanan yang dijadualkan, jadual alternatif tersebut mesti diterima dan apa-apa kos yang berbangkit tidak akan menjadi sebagai tuntutan.

Pengecualian-pengecualian untuk Seksyen C4

1. Sebarang kelewatan yang dimaklumkan kepada Anda dua belas (12) jam atau lebih sebelum waktu berlepas yang dijadualkan untuk perjalanan seperti yang dinyatakan dalam tiket perjalanan Anda;
2. Sebarang takaful perjalanan yang disertai dalam tempoh enam (6) jam sebelum masa berlepas yang dijadualkan asal seperti yang dinyatakan dalam tiket perjalanan Anda. Pengecualian ini hanya terpakai untuk waktu berlepas yang pertama bagi Perjalanan Anda dan tidak menjejaskan perlindungan bagi mana-mana perjalanan transit atau sambungan seterusnya selepas Perjalanan Anda bermula;
3. Untuk sebarang kelewatan, penjadualan semula atau pembatalan untuk tempoh kurang daripada dua (2) jam; atau
4. Untuk sebarang kelewatan, penjadualan semula atau pembatalan kerana ditolak menaiki pesawat, terlebih tempahan atau kecuaiian oleh Anda.

C5. Kelewatan Bagasi

Kami akan membayar kepada Anda Jumlah Manfaat yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat sekiranya bagasi Anda yang telah didaftar masuk tiba lewat disebabkan oleh Pengangkutan Awam sekurang-kurangnya enam (6) jam daripada masa ketibaan di destinasi luar negara sehingga masa Anda menerima bagasi Anda.

Semasa perjalanan Anda pulang ke Malaysia, Kami akan membayar Anda Jumlah Manfaat seperti yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat jika bagasi daftar masuk Anda tiba lewat disebabkan oleh Pengangkutan Awam selama sekurang-kurangnya enam (6) jam dari masa ketibaan Anda kembali di Malaysia sehingga Anda menerima Bagasi daftar masuk Anda.

Untuk perjalanan domestik, Kami akan membayar Jumlah Manfaat kepada Anda sekiranya bagasi Anda yang telah didaftar masuk tiba lewat sekurang-kurangnya enam (6) jam daripada masa ketibaan di destinasi di dalam Malaysia, Manfaat ini tidak akan membayar kelewatan bagasi apabila Anda pulang ke Tempat Tinggal Anda.

Anda harus mendapatkan dan mengemukakan pengesahan secara bertulis untuk tarikh dan masa sebenar penghantaran bagasi daripada pihak Pengangkutan Berjadual.

Anda hanya boleh membuat tuntutan sama ada di bawah Seksyen C5 atau Seksyen D1 bagi kejadian yang sama dan barangan yang sama.

C6. Terlepas Sambungan Perjalanan

Kami akan membayar sehingga had Jumlah Manfaat yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat kepada Anda sekiranya pesawat, kereta api atau kapal laut yang seterusnya terlepas pada mana-mana lokasi pindahan kerana kelewatan ketibaan pesawat, kereta api atau kapal laut yang dijadualkan dan tiada alternatif atau pengangkutan alternatif disediakan untuk Anda sekurang-kurangnya enam (6) jam dari waktu ketibaan sebenar pesawat, kereta api atau kapal terbang yang dijadualkan.

Anda perlu mengemukakan pengesahan secara bertulis daripada pihak Pengangkutan Berjadual yang menunjukkan masa berlepas yang dijadualkan dan masa berlepas sebenar penerbangan, perjalanan atau pelayaran untuk mendapatkan tuntutan Manfaat ini.

C7. Kesulitan disebabkan oleh Rampasan

Sekiranya, dalam Tempoh Takaful, semasa Anda dalam Perjalanan ke luar negara, Pengangkutan Awam yang dinaiki semasa Perjalanan dirampas, Kami akan membayar Manfaat tunai harian untuk setiap dua puluh empat (24) jam penuh tempoh Rampasan berterusan.

Apa-apa tuntutan di bawah Seksyen ini hendaklah disertakan dengan laporan polis atau laporan yang dikeluarkan oleh pihak Pengangkutan Awam, mengesahkan tempoh Rampasan tersebut dan Anda adalah mangsa Rampasan.

C8. Perjalanan Terlebih Tempah

Kami akan membayar kepada Anda Jumlah Manfaat seperti yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat sekiranya Anda tidak dibenarkan untuk berlepas menaiki Pengangkutan Awam Berjadual disebabkan ia terlebih tempah oleh syarikat Pengangkutan Awam Berjadual dan tiada pengangkutan alternatif disediakan kepada Anda dalam tempoh enam (6) jam dari masa berlepas yang dijadualkan asal.

Tempoh kelewatan akan dikira bermula dari masa yang dijadualkan asal seperti yang dinyatakan dalam tiket perjalanan sehingga masa berlepas pengangkutan alternatif seterusnya. Anda perlu mengemukakan pengesahan secara bertulis daripada pihak Pengangkutan Berjadual atau ejen pengendali yang mengesahkan butiran ia terlebih tempah dan pengangkutan alternatif seterusnya sudah disediakan.

Manfaat tidak akan dibayar sekiranya Anda membuat Perjalanan melalui ejen pelancongan yang tidak berlesen.

SEKSYEN D – MANFAAT KEHILANGAN ATAU KEROSAKAN TERHADAP BARANGAN PERIBADI

D1. Kehilangan atau Kerosakan kepada Bagasi dan Barangan Peribadi

Kami akan membayar balik sehingga had Jumlah Manfaat seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat kepada Anda, bagi kehilangan atau kerosakan kepada bagasi dan barangan peribadi semasa Perjalanan, yang dibawa atau dibeli semasa Perjalanan, dan dimiliki oleh Anda akibat kecuaiian pihak Pengangkutan Awam atau Kecurian.

Barangan peribadi adalah barangan untuk kegunaan peribadi, untuk dipakai atau dibawa, yang dimiliki oleh Anda, termasuk pakaian, peti, beg pakaian dan seumpamanya.

Dengan syarat bahawa barang-barang ini mesti dibawa bersama dengan Anda semasa Perjalanan. Atas budi bicara mutlak Kami, asas penyelesaian tuntutan hendaklah sama ada:

1. Membayar balik nilai tunai asal item ditolak susut nilai dan Ekses; atau
2. Membayar balik kos penggantian jenama dan model yang serupa ditolak Ekses; atau
3. Membayar balik kos pembaikan barang ditolak Ekses.

Syarat-syarat untuk Seksyen D1

1. Kami tidak akan membayar lebih daripada Jumlah Manfaat yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat sekiranya berlaku kerosakan atau kehilangan untuk barangan berikut:
 - i) Bagasi
 - ii) Barangan elektronik - terhad kepada komputer riba, komputer tablet dan telefon bimbit sahaja.
 - iii) Barangan peribadi - terhad Ringgit Malaysia Lima Ratus Ringgit (RM500) untuk mana-mana satu barang atau sepasang atau set barang
2. Barang kemas, barangan elektronik dan jam tangan mesti dipakai atau disimpan dalam bagasi jagaan peribadi setiap masa, kecuali dalam peti besi hotel;
3. Kehilangan atau kerosakan hendaklah dilaporkan kepada polis atau pihak berkuasa yang berkenaan yang mempunyai bidang kuasa di mana kerugian atau kerosakan berlaku dalam tempoh dua puluh empat (24) jam dari kejadian itu. Apa-apa tuntutan untuk ganti rugi di

bawah Seksyen ini hendaklah disertakan dengan salinan laporan polis atau laporan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa yang berkenaan yang membuktikan kehilangan atau kerosakan sedemikian;

4. Penyerahan tuntutan di bawah Seksyen ini akan menghalang apa-apa tuntutan dibuat di bawah Seksyen C5 yang timbul daripada kejadian yang sama dan barangan yang sama; dan
5. Untuk kerugian atau kerosakan disebabkan oleh Pengangkutan Awam atau hotel, tuntutan hendaklah dibuat terhadap syarikat Pengangkutan Awam atau hotel terlebih dahulu sebelum Kami membuat sebarang pembayaran di bawah manfaat ini. Tuntutan sedemikian mesti dikemukakan dengan bukti pampasan yang diterima daripada syarikat Pengangkutan Awam atau hotel atau jika pampasan tersebut dinafikan, bukti penafian tersebut hendaklah dikemukakan. Pada bila-bila masa, Kami tidak akan membayar balik kepada Anda lebih daripada jumlah yang dinyatakan dalam Manfaat D1.

Pengecualian-pengecualian untuk Seksyen D1

Kami tidak akan membayar kos penggantian, membaik pulih, atau dengan cara lain yang berkaitan dengan kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh/kepada:

1. Kegagalan Anda untuk mengambil perhatian yang sewajarnya dan munasabah dan langkah berjaga-jaga untuk melindungi dan menjamin bagasi dan barangan peribadi;
2. Kehilangan data dalam bentuk pita, kad, pemacu dan cakera atau sebaliknya termasuk kos mendapatkan semula data;
3. Kenderaan bermotor;
4. Peralatan sukan, peralatan golf;
5. Barang-barang mudah rosak dan guna habis;
6. Antik, artifak, lukisan, objek seni atau apa-apa objek yang mempunyai nilai intrinsik;
7. Manuskrip, sekuriti kewangan atau instrumen apa-apa jenis mata wang kertas atau cek kembang;
8. Setem, dokumen perjalanan, kad kredit, surat hak milik, lesen memandu dan kad pengenalan;
9. Kanta lekap atau kanta kornea, cermin mata, alat bantuan pendengaran, perentak jantung yang diimplan, anggota palsu, gigi tiruan atau jambatan gigi atau gigi palsu;
10. Alat muzik;
11. Barangan mudah pecah;
12. Peralatan yang disewa atau dipajak;
13. Kehilangan bagasi yang dihantar terlebih dahulu, diposkan atau dihantar secara berasingan;
14. Kehilangan barangan perniagaan atau sampel atau peralatan apa-apa jenis;
15. Kehilangan berkenaan dengan kekurangan kerana kesilapan, peninggalan, urusan niaga pertukaran atau susut nilai;
16. Mana-mana barangan elektronik, komputer riba atau barang kemas yang didaftarkan dengan Pengangkutan Awam;
17. Kehilangan misteri;
18. Haus dan lusuh dan/atau tergores atau kemek dan/atau apa-apa kerosakan yang tidak menjejaskan fungsi bagasi; dan
19. Ekses Ringgit Malaysia Satu Ratus (RM100) untuk mana-mana tuntutan yang dibuat.

D2. Wang Peribadi atau Penggunaan Kad Tanpa Kebenaran

Kami akan menanggung kerugian Anda sehingga had Jumlah Manfaat seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat, tolak mana-mana Ekses, sekiranya Anda mengalami kerugian kewangan secara langsung disebabkan oleh:

1. Kecurian atau rompakan Wang Peribadi Anda semasa perjalanan di luar negara, dengan syarat bahawa kerugian tersebut dilaporkan kepada pihak polis atau pihak berkuasa dalam tempoh dua puluh empat (24) jam selepas kejadian;
2. Penggunaan kad kredit atau debit secara tidak sah selepas berlaku rompakan atau kecurian semasa perjalanan Anda di luar negara, dengan syarat kerugian tersebut dilaporkan kepada pengeluar kad dalam tempoh dua puluh empat (24) jam selepas kejadian.

Anda perlu mengambil langkah perlindungan sewajarnya untuk memastikan keselamatan Wang Peribadi dan kad kredit atau kad debit Anda.

Pengecualian-pengecualian untuk Seksyen D2

Kami tidak akan membayar tuntutan bagi:

1. Kehilangan Wang Peribadi, kad kredit atau debit yang dibiarkan tanpa pengawasan di tempat awam atau dalam kenderaan, atau akibat kecuaiannya dalam mengambil langkah penjagaan dan keselamatan bagi melindungi wang atau kad tersebut;
2. Kehilangan akibat rampasan atau tahanan oleh kastam atau mana-mana pihak berkuasa lain;
3. Kehilangan kiriman wang pos atau cek kembang tidak dilaporkan dengan segera ke cawangan tempatan atau ejen pihak berkuasa yang mengeluarkannya;
4. Penurunan nilai mata wang atau kekurangan kerana kesilapan atau ketinggalan dalam mana-mana urusan niaga yang melibatkan wang;
5. Kerugian yang boleh dituntut daripada mana-mana sumber lain; dan
6. Ekses Ringgit Malaysia Satu Ratus (RM100) untuk mana-mana tuntutan yang dibuat.

D3. Kehilangan Dokumen Perjalanan

Kami akan membayar Jumlah Manfaat seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat, tolak mana-mana kelebihan, bagi kehilangan Dokumen Perjalanan Anda (pasport atau visa) yang dialami semasa Perjalanan disebabkan oleh kecurian atau dengan kekerasan, keganasan, atau ancaman keganasan.

Kehilangan hendaklah dilaporkan kepada polis atau pihak berkuasa yang berkenaan yang mempunyai bidang kuasa di mana kehilangan berlaku dalam tempoh dua puluh empat (24) jam selepas kejadian. Sebarang tuntutan mesti disertakan dengan salinan laporan polis atau laporan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa yang berkaitan yang membuktikan kehilangan tersebut.

Anda perlu mengambil langkah perlindungan sewajarnya untuk memastikan keselamatan Dokumen Perjalanan Anda.

D4. Manfaat Perlindungan Rumah

Kami akan menanggung kerugian Anda sehingga had Jumlah Manfaat seperti yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat terhadap kehilangan fizikal atau kerosakan Isi Kandungan Rumah Anda akibat daripada Rompakan atau kebakaran ke atas Rumah semasa ia ditinggalkan kosong semasa tempoh Perjalanan Anda. Kami tidak akan bertanggungjawab untuk kerugian lebih daripada Ringgit Malaysia Lima Ratus (RM500) berkenaan dengan mana-mana satu artikel atau sepasang atau set barang.

Kerugian tersebut mesti dilaporkan kepada pihak polis secepat mungkin selepas ketibaan di Malaysia. Mana-mana tuntutan mesti disertakan dengan laporan yang dikeluarkan oleh pihak polis atau pihak berkuasa yang berkaitan dan dengan syarat bahawa kerugian tersebut tidak boleh dituntut dari mana-mana sumber lain.

Manfaat ini tidak terpakai kepada Anak.

Pengecualian-pengecualian untuk Seksyen D4

Kami tidak akan membayar tuntutan bagi:

1. Kecurian semasa atau selepas kebakaran;
2. Kerugian atau kerosakan yang dilindungi di bawah sijil takaful atau polisi insurans yang lain, atau pembayaran balik oleh pihak lain; dan
3. Apa-apa kerugian atau kerosakan yang berlaku melalui tindakan atau penglibatan salah laku Anda.

SEKSYEN E – MANFAAT LIABILITI PERIBADI

E1. Liabiliti Peribadi

Kami akan menanggung kerugian Anda sehingga had Jumlah Manfaat seperti yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat berkenaan dengan liabiliti undang-undang yang berlaku dalam Tempoh Takaful akibat Kecederaan Badan (termasuk kematian) kepada, atau kerugian akibat Kemalangan atau kerosakan kepada harta benda pihak ketiga termasuk kos pihak ketiga dan perbelanjaan yang dituntut daripada Anda, dan kos serta perbelanjaan dengan kebenaran bertulis daripada Kami terlebih dahulu.

Syarat-syarat untuk Seksyen E1

1. Kecuali dengan persetujuan dan pengesahan bertulis Kami terlebih dahulu, tiada Orang Yang Dilindungi boleh mengaku apa-apa liabiliti dan/atau memberikan apa-apa representasi dan/atau apa-apa janji lain berkenaan dengan liabiliti tersebut yang mempunyai kesan yang mengikatnya; dan
2. Kami mempunyai hak untuk mengambil alih pengendalian semua prosiding yang timbul daripada atau berkaitan dengannya yang dimulakan terhadap Anda termasuk melantik peguam cara pilihan Kami sendiri untuk bertindak dan membela secara munasabah bagi pihak Anda.

Pengecualian-pengecualian untuk Seksyen E1

Kami tidak akan membayar tuntutan yang timbul daripada, berkenaan dengan, akibat daripada:

1. Liabiliti kepada mana-mana orang yang merupakan Keluarga Anda dan/atau majikan Anda dan/atau pekerja Anda;
2. Kehilangan atau kerosakan kepada harta yang dipunyai oleh, yang diamanahkan atau berada dalam jagaan atau kawalan Anda dan/atau pekerja Anda dan/atau mana-mana ahli keluarga Anda dan/atau isi rumah mereka masing-masing;
3. Melibatkan apa-apa urusan perdagangan, perniagaan dan/atau profesion;
4. Pemilikan atau sebagai penghuni tanah atau bangunan (selain daripada tempat kediaman sementara);
5. Pemilikan atau penggunaan kenderaan, pesawat udara atau air atau mana-mana kenderaan lain;
6. Kos undang-undang yang terhasil daripada apa-apa prosiding jenayah;
7. Liabiliti yang dilampirkan di bawah tempoh nyata suatu kontrak, melainkan liabiliti akan dilampirkan sama ada tempoh nyata wujud atau tidak;
8. Liabiliti yang timbul secara langsung atau tidak langsung oleh atau melalui atau berkaitan dengan apa-apa kerugian atau kerosakan kepada harta akibat perbuatan haiwan yang dipunyai oleh, yang diamanahkan atau berada dalam jagaan atau kawalan Anda dan/atau pekerja Anda dan/atau mana-mana ahli keluarga Anda dan/atau isi rumah mereka masing-masing;
9. Pencabulan seksual, penderaan fizikal atau mental;
10. Apa-apa bentuk punitif, termasuk ganti rugi yang teruk atau teladan yang diberikan oleh mana-mana mahkamah;
11. Sebarang kerugian bukan wang; dan
12. Liabiliti yang mana bayaran boleh dituntut lebih khusus di bawah mana-mana kontrak insurans/takaful lain atas nama Anda.

SEKSYEN F – PERKHIDMATAN BANTUAN KECEMASAN

F1. Pemindahan Perubatan Kecemasan dan Penghantaran Pulang

Sekiranya Anda mengalami sebarang Keadaan Perubatan Kritikal semasa dalam perjalanan, perbelanjaan perubatan yang diperlukan untuk pengangkutan kecemasan dan rawatan perubatan akan diberikan untuk memindahkan Anda ke Hospital terdekat di mana rawatan dan kemudahan perubatan yang sesuai tersedia.

Sekiranya berlaku apa-apa kecemasan sedemikian, Talian Khidmat Bantuan Perjalanan dan Perubatan 24 Jam perlu dihubungi secepat mungkin untuk meluluskan pengangkutan kecemasan. Dalam keadaan bencana buruk di kawasan pedalaman atau tiada kemudahan di mana Talian Khidmat Bantuan Perjalanan dan Perubatan 24 Jam tidak dapat dihubungi terlebih dahulu, pengangkutan kecemasan hendaklah dilaporkan secepat mungkin.

Kami berhak untuk menentukan tempat ke mana Anda akan dipindahkan dan juga akan menentukan dan menanggung kos pengangkutan yang munasabah dan lazim untuk seorang lagi individu menemani Anda untuk pengangkutan kecemasan tersebut yang akan dianggap perlu oleh Kami.

Sekiranya Anda dimasukkan ke hospital di luar negara dan adalah perlu dari segi perubatan untuk Anda dihantar balik ke Malaysia untuk meneruskan rawatan, Kami akan membayar kos penghantaran balik yang munasabah dan perlu. Kami berhak untuk memutuskan sama ada penghantaran balik perubatan kecemasan diperlukan atau tidak.

Bagi perjalanan Domestik, Manfaat ini hanya terpakai atas sebab-sebab Kemalangan.

F2. Penghantaran Pulang dan Pengebumian Jenazah

Sekiranya Anda meninggal dunia disebabkan Kemalangan atau Penyakit semasa Perjalanan, Kami akan membayar caj yang munasabah untuk pengebumian atau pembakaran jenazah Anda di tempat di mana kematian berlaku, termasuk kos pengangkutan jenazah atau abu jenazah yang munasabah ke, atau dalam Malaysia.

Bagi perjalanan Domestik, Manfaat ini hanya terpakai atas sebab-sebab Kemalangan.

SEKSYEN G – MANFAAT COVID-19 (TERPAKAI UNTUK PERJALANAN ANTARABANGSA SAHAJA)

G1. Pembatalan Perjalanan akibat COVID-19

Kami akan membayar balik kepada Anda Perbelanjaan Pembatalan yang ditanggung sehingga had Jumlah Manfaat yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat sekiranya Anda tidak dapat mengelak dari membatalkan Perjalanan Anda akibat mana-mana sebab tertentu yang disenaraikan di bawah, yang berlaku dalam masa sepuluh (10) hari sebelum Perjalanan tersebut bermula.

1. Anda disahkan positif COVID-19;
2. Rakan Perjalanan Anda disahkan positif COVID-19;
3. Anda meninggal dunia akibat COVID-19;
4. Rakan Perjalanan Anda meninggal dunia akibat COVID-19.

Perlindungan ini hanya berkuat kuasa sekiranya Sijil ini disertai sebelum Anda menyedari apa-apa keadaan yang boleh membawa kepada pembatalan Perjalanan tersebut dan dengan syarat Sijil ini disertai minimum tujuh (7) hari sebelum Perjalanan tersebut bermula.

Anda hanya boleh membuat tuntutan sama ada di bawah Seksyen G1 atau Seksyen G2 bagi kejadian yang sama.

Pengecualian-pengecualian untuk Seksyen G1

Kami tidak akan membayar tuntutan:

1. Jika Tarikh Pengeluaran Sijil Anda kurang dari tujuh (7) hari sebelum Tempoh Takaful bermula;
2. Jika Anda membatalkan Perjalanan Anda kerana keberatan dan/atau keengganan Anda akibat ketakutan dan/atau kesusahan dan/atau ketakutan Anda sendiri untuk melakukan Perjalanan yang dirancang atas kerelaan Anda sendiri apabila destinasi itu sebenarnya selamat

untuk perjalanan dan ada tiada amaran perjalanan dikeluarkan oleh kerajaan tentang destinasi tersebut dan/atau tiada penutupan lapangan terbang;

3. Jika syarikat penerbangan, hotel, ejen pelancongan atau mana-mana penyedia perjalanan dan / atau penginapan lain telah menawarkan sebarang bentuk bayaran balik sama ada dalam bentuk tunai atau dalam bentuk termasuk pengeluaran baucar dan/atau kredit dan/atau tempahan semula sebagai ganti bayaran balik atau pampasan untuk pembatalan Perjalanan.

G2. Gangguan Perjalanan akibat COVID-19

Sekiranya, semasa Anda berada di luar negara dan Anda tidak dapat mengelak dari mengubah/menyusun semula mana-mana bahagian jadual Perjalanan Anda akibat mana-mana sebab tertentu yang disenaraikan di bawah:

1. Anda dan/atau Rakan Perjalanan Anda disahkan positif COVID-19 dan disahkan oleh Doktor tidak layak untuk meneruskan Perjalanan Anda;
2. Kematian dan/atau penghospitalan Anda dan/atau Rakan Perjalanan Anda akibat COVID-19;
3. Akibat keputusan ujian positif COVID-19 atau pengesanan kontak di mana-mana destinasi yang termasuk dalam Perjalanan yang Anda rancang, Anda dikehendaki untuk menjalani kuarantin sendiri seperti yang diminta oleh professional perubatan, di destinasi Anda melangkaui tarikh kembali asal Anda;
4. Pembatalan Pengangkutan Berjadual akibat COVID-19;
5. Penutupan ruang udara atau lapangan terbang di destinasi yang dirancang akibat COVID-19;
6. Tercetusnya COVID-19 di destinasi yang dirancang dan perisytiharan tersebut tidak dikeluarkan sebelum Perjalanan Anda yang menghalang Anda dari meneruskan Perjalanan tersebut dan Anda tidak dapat mengelak menanggung kos penginapan tambahan untuk melanjutkan penginapan Anda;

Kami akan membayar balik kepada Anda sehingga had Jumlah Manfaat yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat untuk:

1. Tambang penerbangan kelas ekonomi sehala melalui jadual perjalanan yang paling kos efektif untuk meneruskan perjalanan asal atau untuk kembali secara langsung ke Malaysia;
2. Perbelanjaan tambahan dan tidak dirancang yang perlu dan munasabah untuk hotel dan makanan;
3. Kos prabayar yang tidak boleh diperolehi bagi Perjalanan yang dirancang berkenaan dengan perbelanjaan perjalanan yang berkaitan yang akan dikira secara perkadaran berdasarkan bahagian yang tidak digunakan dalam Perjalanan yang dirancang termasuk sebarang tambahan hotel dan kos penghantaran pulang ke Malaysia yang perlu dan munasabah ditanggung oleh sebab Gangguan Perjalanan tersebut.

Perlindungan diberikan melebihi tarikh tamat Sijil sehingga empat belas (14) hari atau sehingga Anda telah menghabiskan had Jumlah Manfaat di bawah seksyen ini, yang mana berlaku lebih awal. Ia adalah syarat lanjutan perlindungan automatik ini yang Anda mesti berusaha sedaya upaya untuk pulang ke rumah pada peluang pertama yang ada.

Anda hanya boleh membuat tuntutan sama ada di bawah Seksyen G2 atau Seksyen G1 bagi kejadian yang sama.

Pengecualian-pengecualian untuk Seksyen G2

Kami tidak akan membayar tuntutan yang berkaitan dengan:

1. Jika Anda membatalkan Perjalanan Anda kerana keberatan dan/atau keengganan Anda akibat ketakutan dan/atau kesusahan dan/atau ketakutan Anda sendiri untuk melakukan Perjalanan yang dirancang atas kerelaan Anda sendiri apabila destinasi itu sebenarnya selamat untuk perjalanan dan ada tiada amaran perjalanan dikeluarkan oleh kerajaan tentang destinasi tersebut dan/atau tiada penutupan lapangan terbang;
2. Apa-apa kejadian atau keadaan yang Anda ketahui atau seharusnya diketahui akan menyebabkan perjalanan Anda terganggu. Ini termasuk sebarang peristiwa yang diketahui umum sebelum pengeluaran Sijil;
3. Jika syarikat penerbangan, hotel, ejen pelancongan atau mana-mana penyedia perjalanan dan / atau penginapan lain telah menawarkan sebarang bentuk bayaran balik sama ada dalam bentuk tunai atau dalam bentuk termasuk pengeluaran baucar dan/atau kredit dan/atau tempahan semula sebagai ganti bayaran balik atau pampasan untuk pembatalan Perjalanan.

G3. Perbelanjaan Perubatan Di Luar Negara akibat COVID-19

Kami akan membayar balik kepada Anda Perbelanjaan Pembatalan yang ditanggung sehingga had Jumlah Manfaat yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat bagi perbelanjaan perubatan, Hospital dan rawatan yang ditanggung sekiranya Anda didiagnos positif COVID-19 dan komplikasi yang berkaitan semasa Perjalanan tersebut.

Sekiranya berlaku Kemasukan ke Hospital, apa-apa perbelanjaan perubatan pesakit dalam yang ditanggung semasa Perjalanan Anda akan berdasarkan kemasukan tanpa tunai.

G4. Pemindahan Perubatan Kecemasan dan Penghantaran Pulang akibat COVID-19

Perbelanjaan perubatan yang diperlukan untuk pengangkutan kecemasan dan rawatan perubatan dalam perjalanan, untuk memindahkan Anda yang berada dalam Keadaan Perubatan Kritikal akibat COVID-19 ke Hospital terdekat di mana penjagaan dan kemudahan yang sesuai tersedia.

Sekiranya berlaku kecemasan sedemikian, Talian Bantuan Perjalanan dan Bantuan Perubatan 24 Jam mesti dihubungi segera untuk meluluskan pengangkutan kecemasan. Dalam keadaan kecemasan yang teruk di kawasan terpencil atau primitif, di mana Talian Bantuan Perjalanan dan Bantuan Perubatan 24 Jam tidak dapat dihubungi lebih awal, pengangkutan kecemasan mesti dilaporkan secepat mungkin.

Kami mengekalkan hak untuk memutuskan sama ada sesuai dari segi perubatan untuk memindahkan Orang Yang Dilindungi ke Hospital terdekat di mana rawatan perubatan yang sesuai tersedia.

Sekiranya Anda dimasukkan ke hospital di luar negara akibat langsung COVID-19 dan secara perubatan Anda perlu dihantar pulang ke Malaysia untuk meneruskan rawatan, Kami akan membayar kos penghantaran pulang yang berpatutan dan perlu. Kami mengekalkan hak untuk memutuskan sama ada penghantaran pulang perubatan kecemasan diperlukan atau tidak.

G5. Penghantaran Pulang dan Pengebumian Jenazah akibat COVID-19

Sekiranya Orang Yang Dilindungi meninggal dunia akibat COVID-19 semasa Perjalanan di luar negara, Kami akan membayar caj yang munasabah untuk pengebumian atau pembakaran jenazah Anda di tempat di mana kematian berlaku, termasuk kos pengangkutan jenazah atau abu jenazah yang munasabah ke, atau dalam Malaysia.

Pengecualian-pengecualian untuk Seksyen G

Kami tidak akan membayar tuntutan yang berkaitan dengan:

1. Orang Yang Dilindungi dewasa yang belum divaksin sepenuhnya seperti yang ditetapkan oleh kedua negara Malaysia dan negara ketibaan;
2. Anda melakukan perjalanan yang bertentangan dengan nasihat pengamal perubatan atau doktor, atau sebarang tuntutan yang timbul daripada Anda bertindak dengan cara yang bertentangan dengan nasihat pengamal perubatan atau doktor (termasuk, tetapi tidak terhad kepada, mengembara dengan gejala COVID-19);

3. Anda pergi ke negara, kawasan atau acara tertentu apabila kerajaan atau pihak berkuasa kawal selia di negara ke/dari mana Anda pergi telah menasihatkan supaya tidak mengembara;
4. Anda sedar dan/atau sepatutnya sedar dan/atau secara munasabah dijangka mempunyai pengetahuan tentang kehadiran sebarang keadaan yang akan menimbulkan tuntutan di bawah Sijil ini sebelum pengeluaran Sijil dan/atau memulakan sebarang perjalanan yang dirancang;
5. Kegagalan Anda untuk memenuhi semua syarat yang telah ditetapkan oleh Kerajaan/Imigresen sebelum memulakan perjalanan;
6. Kegagalan Anda untuk mendapatkan sebarang vaksin mandatori, suntikan atau ubat-ubatan yang ditetapkan sebelum perjalanan;
7. Jika Anda membatalkan Perjalanan Anda kerana keberatan dan/atau keengganan Anda akibat ketakutan dan/atau kesusahan dan/atau ketakutan Anda sendiri untuk melakukan Perjalanan yang dirancang atas kerelaan Anda sendiri apabila destinasi itu sebenarnya selamat untuk perjalanan dan ada tiada amaran perjalanan dikeluarkan oleh kerajaan tentang destinasi tersebut dan/atau tiada penutupan lapangan terbang;
8. Kos Penginapan Berkaitan dengan COVID-19 Kuarantin atau perbelanjaan kemudahan kuarantin;
9. Sebarang perbelanjaan yang ditanggung untuk ujian COVID-19, ujian diagnostik COVID-19 mandatori yang diperlukan oleh kerajaan rasmi atau pihak berkuasa kesihatan yang Anda perlu ambil untuk perjalanan, seperti ujian pra-pelepasan dan ujian selepas ketibaan;
10. Tuntutan yang tidak berkaitan dengan COVID-19;
11. Perbelanjaan yang ditanggung tanpa kelulusan Perjalanan dan Bantuan Perubatan Kami terlebih dahulu.

SEKSYEN H – MANFAAT AKTIVITI-AKTIVITI SUKAN BERBAHAYA (MANFAAT PILIHAN UNTUK PERJALANAN DOMESTIK DAN ANTARABANGSA)

Ini merupakan Manfaat pilihan dan hanya diguna pakai apabila Anda telah membayar Sumbangan tambahan untuk Manfaat ini. Walau apa pun Pengecualian Am 16, Sijil ini akan diperluaskan untuk melindungi Anda berkaitan Seksyen A – Manfaat Kemalangan Diri, Seksyen B – Manfaat Perbelanjaan Perubatan dan Seksyen F – Perkhidmatan Bantuan Kecemasan yang mungkin dialami akibat daripada terlibat atau berlatih untuk:

Untuk Perjalanan Antarabangsa:

1. **Sukan Air** – berakit, berkanu dan berkayak yang melibatkan jeram (gred 4 dan ke bawah), mendayung, perahu layar, parasailing, luncur air, luncur angin (papan layar), jet ski, selam skuba dan aktiviti-aktiviti di bawah air yang melibatkan penggunaan sebarang alat pernafasan buatan (sehingga tiga puluh (30) meter kedalaman air).
2. **Sukan Musim Sejuk** – luncur ais dan luncur papan salji, ski, kereta luncur ('*sledding*') dan kereta salji.
3. **Lain-lain** – mendaki gunung (tidak melibatkan penggunaan tali dan peralatan mendaki lain) sehingga 3,500 meter atau kem induk ('*base camp*') yang mana lebih rendah, mendaki batu yang memerlukan penggunaan tali dan peralatan mendaki lain, *kembara gunung* ('*mountain hiking*'), *meredah gunung* ('*mountain trekking*'), abseiling, menaiki helikopter untuk bersiar-siar, ultra- maraton, konvoi motosikal, terjun payung terjun, luncur udara, lompat bungee, menunggang bola zorb, sfera, orb, belon udara panas dan kenderaan semua rupa bumi (ATV). Sebarang aktiviti mendaki gunung atau mendaki di Nepal akan dikecualikan di bawah manfaat pilihan ini.

Untuk Perjalanan Domestik:

1. **Sukan Air** – berakit, berkanu dan berkayak yang melibatkan jeram (gred 4 dan ke bawah), mendayung, perahu layar, parasailing, luncur air, luncur angin (papan layar), jet ski, selam skuba dan aktiviti-aktiviti di bawah air yang melibatkan penggunaan sebarang alat pernafasan buatan (sehingga tiga puluh (30) meter kedalaman air).
2. **Lain-lain** – mendaki gunung (tidak melibatkan penggunaan tali dan peralatan mendaki lain) sehingga 4,500 meter atau kem induk ('*base camp*') yang mana lebih rendah, mendaki batu yang memerlukan penggunaan tali dan peralatan mendaki lain, *kembara gunung* ('*mountain hiking*'), *meredah gunung* ('*mountain trekking*'), abseiling, menaiki helikopter untuk bersiar-siar, ultra- maraton, konvoi motosikal, terjun payung terjun, luncur udara, lompat bungee, menunggang bola zorb, sfera, orb, belon udara panas dan kenderaan semua rupa bumi (ATV).

Dengan syarat aktiviti-aktiviti di atas dilakukan sebagai amatir dan untuk tujuan masa lapang dengan pengendali berlesen semasa Perjalanan Anda. Kami tidak akan membayar jika Anda tidak melaksanakan penjagaan yang munasabah dan gagal mematuhi semua keperluan keselamatan semasa menjalankan aktiviti sukan yang berkaitan.

Lain-lain terma dan syarat dan pengecualian di dalam Sijil ini akan berterusan di gunapakai.

SEKSYEN I – MANFAAT PERLINDUNGAN RUMAH LANJUTAN (MANFAAT PILIHAN UNTUK PERJALANAN ANTARABANGSA SAHAJA)

Ini merupakan Manfaat pilihan dan hanya diguna pakai apabila Anda telah membayar Sumbangan tambahan untuk Manfaat ini.

Kami akan menanggung kerugian Anda sehingga had Jumlah Manfaat seperti yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat terhadap kehilangan fizikal atau kerosakan Isi Kandungan Rumah akibat Kecurian, kebakaran atau kerosakan disebabkan oleh air atau limpahan air (disebabkan pecah atau limpahan tangki air domestik, peralatan atau paip air rumah) kepada Rumah semasa ia tidak berpenghuni semasa Anda membuat Perjalanan, dengan syarat had perlindungan di bawah Seksyen D4 telah digunakan sepenuhnya. Kami tidak akan bertanggungjawab untuk kerugian lebih daripada Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000) berkenaan dengan mana-mana satu artikel atau sepasang atau set barang.

Kerugian tersebut mesti dilaporkan kepada pihak polis secepat mungkin selepas ketibaan di Malaysia. Mana-mana tuntutan mesti disertakan dengan laporan yang dikeluarkan oleh pihak polis atau pihak berkuasa yang berkaitan dan dengan syarat bahawa kerugian tersebut tidak boleh dituntut dari mana-mana sumber lain.

Manfaat ini tidak terpakai kepada Anak.

Pengecualian-pengecualian untuk Seksyen I

Kami tidak akan membayar tuntutan bagi:

1. Kecurian semasa atau selepas kebakaran;
2. Kerugian atau kerosakan yang dilindungi di bawah sijil takaful atau polisi insurans yang lain, atau pembayaran balik oleh pihak lain; dan
3. Apa-apa kerugian atau kerosakan yang berlaku melalui tindakan atau penglibatan salah laku Anda.

SEKSYEN J – MANFAAT GOLF (MANFAAT PILIHAN UNTUK PERJALANAN DOMESTIK DAN ANTARABANGSA)

Ini merupakan Manfaat pilihan dan hanya diguna pakai apabila Anda telah membayar Sumbangan tambahan untuk Manfaat ini.

J1. Kehilangan atau Kerosakan Peralatan Golf disebabkan Kecurian

Kami akan menanggung kerugian Anda sehingga had Jumlah Manfaat, seperti yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat untuk penggantian atau kos pembaikan disebabkan oleh kerosakan atau kehilangan Peralatan Golf akibat rompakan, kecurian, atau semumpama dengannya semasa Perjalanan Anda.

Syarat-syarat untuk Seksyen J1

1. Semua Peralatan Golf adalah kepunyaan Anda dan tidak disewa, dipinjam atau dipertanggungjawabkan kepada Anda;
2. Anda hendaklah bertindak secara berhemah untuk mengelakkan kehilangan, kerosakan Peralatan Golf; dan

3. Kehilangan atau kerosakan hendaklah dilaporkan kepada polis di mana kerugian atau kerosakan berlaku dalam tempoh dua puluh empat (24) jam dari kejadian itu.
4. Apa-apa tuntutan untuk ganti rugi di bawah Seksyen ini hendaklah disertakan dengan salinan laporan polis atau pihak berkuasa yang berkaitan yang membuktikan kehilangan atau kerosakan sedemikian.

Pengecualian-pengecualian untuk Seksyen J1

Kami tidak akan membayar tuntutan bagi:

1. Kegagalan Anda untuk menjaga, mengelakkan kehilangan, kerosakan dan mengambil langkah keselamatan kepada Peralatan Golf;
2. Haus dan lusuh dan/atau tergores atau kemeak dan/atau apa-apa kerosakan yang tidak menjejaskan fungsi Peralatan Golf;
3. Kehilangan misteri;
4. Peralatan yang disewa atau dipajak;
5. Kehilangan atau kerosakan pada bola golf melainkan terkandung dalam beg golf pada masa kehilangan, kemusnahan atau kerosakan; dan
6. Kerosakan yang dilindungi oleh jaminan pengeluaran.

J2. Yuran Padang Golf yang Tidak Digunakan

Kami akan menanggung kerugian Anda sehingga had Jumlah Manfaat bagi yuran padang golf yang telah ditempah awal dan tidak boleh dipulangkan, serta yuran padang golf yang telah dibayar dan tidak digunakan, sekiranya Anda tidak dapat bermain golf di padang golf yang telah ditempah semasa Perjalanan disebabkan oleh:

- a) Kemalangan atau Penyakit (untuk Perjalanan Antarabangsa); atau
- b) Kemalangan (untuk perjalanan Domestik).

Syarat-syarat untuk Seksyen J2

1. Mana-mana tuntutan kerugian mestilah disertakan dengan salinan daripada Pengamal Perubatan mengesahkan Kecederaan Badan akibat Kemalangan atau Penyakit semasa tuntutan kerugian dibuat.
2. Ekses Ringgit Malaysia Seratus (RM100) akan dikenakan untuk mana-mana tuntutan yang dibuat.

SEKSYEN K – MANFAAT EKSES SEWA KERETA (MANFAAT PILIHAN UNTUK PERJALANAN ANTARABANGSA SAHAJA)

Ini merupakan Manfaat pilihan dan hanya diguna pakai apabila Anda telah membayar Sumbangan tambahan untuk Manfaat ini.

Kami akan membayar balik sebarang lebih atau deduktibel yang perlu dibayar oleh Orang Yang Dilindungi mengikut undang-undang perlu menanggung kerugian atau kerosakan ke atas kereta sewa yang disebabkan oleh Kemalangan semasa dalam Perjalanan, sehingga had Jumlah Manfaat seperti yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat.

Syarat-syarat untuk Seksyen K

1. Anda mesti mempunyai lesen memandu yang sah untuk memandu kereta sewa di negara yang dilawati dan dinamakan sebagai pemandu utama atau pemandu bersama bagi kereta sewa tersebut;
2. Kereta sewa mestilah disewa daripada agensi sewa yang berlesen;
3. Anda mesti mempunyai perlindungan takaful/insurans kenderaan yang komprehensif terhadap sebarang kerugian atau kerosakan ke atas kereta sewa sepanjang tempoh sewa; dan
4. Anda mesti mematuhi semua syarat daripada agensi sewa di bawah perjanjian sewa dan syarat pengendali takaful / syarikat insurans di bawah sijil/polisi takaful/insurans kenderaan tersebut serta undang-undang, peraturan dan peraturan negara tersebut.

Pengecualian-pengecualian untuk Seksyen K

Kami tidak akan membayar kerugian atau kerosakan:

1. Yang berlaku akibat penggunaan kereta sewa yang melanggar syarat perjanjian sewa;
2. Yang berlaku di luar had mana-mana jalan raya awam atau melanggar undang-undang dan peraturan negara tersebut; dan/atau
3. Berlaku akibat haus dan lusuh, kemerosotan secara beransur-ansur, kerosakan disebabkan oleh benda asing atau haiwan perosak, kerosakan sedia ada, kecacatan atau kerosakan tersembunyi.

SEKSYEN L – MANFAAT KEHILANGAN ATAU KEROSAKAN TERHADAP BARANGAN PERIBADI (MANFAAT PILIHAN UNTUK PERJALANAN ANTARABANGSA – UNTUK PELAN PLATINUM SAHAJA)

Ini merupakan Manfaat pilihan dan hanya diguna pakai apabila Anda telah membayar Sumbangan tambahan untuk Manfaat ini.

Kehilangan atau Kerosakan kepada Bagasi dan/atau Barangan Peribadi

Kami akan membayar balik sehingga had Jumlah Manfaat seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat kepada Anda, bagi kehilangan atau kerosakan kepada bagasi dan barangan peribadi semasa Perjalanan, yang dibawa atau dibeli semasa Perjalanan, dan dimiliki oleh Anda akibat kecuaihan pihak Pengangkutan Awam atau Kecurian, dengan syarat had Manfaat perlindungan di bawah Seksyen D1 telah dituntut sepenuhnya.

Barangan peribadi adalah barangan untuk kegunaan peribadi, untuk dipakai atau dibawa, yang dimiliki oleh Anda, termasuk pakaian, peti, beg pakaian dan seumpamanya.

Dengan syarat bahawa barang-barang ini mesti dibawa bersama dengan Anda semasa Perjalanan. Atas budi bicara mutlak Kami, asas penyelesaian tuntutan hendaklah sama ada:

1. Nilai tunai asal item ditolak susut nilai; atau
2. Kos penggantian jenama dan model yang serupa; atau
3. Kos pembaikan barang.

Syarat-syarat untuk Seksyen L

1. Kami hanya akan membayar Manfaat di bawah Seksyen ini apabila Anda telah membuat tuntutan sepenuhnya had seperti dinyatakan di bawah Seksyen D1.
2. Kami tidak akan membayar lebih daripada Jumlah Manfaat yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat sekiranya berlaku kerosakan atau kehilangan untuk barangan berikut:
 - i) Bagasi
 - ii) Barangan elektronik - terhad kepada komputer riba, komputer tablet dan telefon bimbit sahaja.
 - iii) Barangan peribadi - terhad Ringgit Malaysia Lima Ratus Ringgit (RM500) untuk mana-mana satu barang atau sepasang atau set barang
3. Barang kemas, barangan elektronik dan jam tangan mesti dipakai atau disimpan dalam bagasi jagaan peribadi setiap masa, kecuali dalam peti besi hotel;
4. Kehilangan atau kerosakan hendaklah dilaporkan kepada polis atau pihak berkuasa yang berkenaan yang mempunyai bidang kuasa di mana kerugian atau kerosakan berlaku dalam tempoh dua puluh empat (24) jam dari kejadian itu. Apa-apa tuntutan untuk ganti rugi di bawah Seksyen ini hendaklah disertakan dengan salinan laporan polis atau laporan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa yang berkenaan yang membuktikan kehilangan atau kerosakan sedemikian;

5. Penyerahan tuntutan di bawah Seksyen ini akan menghalang apa-apa tuntutan dibuat di bawah Seksyen C5 yang timbul daripada kejadian yang sama dan barangan yang sama; dan
6. Untuk kerugian atau kerosakan disebabkan oleh Pengangkutan Awam atau hotel, tuntutan hendaklah dibuat terhadap syarikat Pengangkutan Awam atau hotel terlebih dahulu sebelum Kami membuat sebarang pembayaran di bawah manfaat ini. Tuntutan sedemikian mesti dikemukakan dengan bukti pampasan yang diterima daripada syarikat Pengangkutan Awam atau hotel atau jika pampasan tersebut dinafikan, bukti penafian tersebut hendaklah dikemukakan. Pada bila-bila masa, Kami tidak akan membayar balik kepada Anda lebih daripada jumlah yang dinyatakan di dalam Sekyen L.

Pengecualian-pengecualian untuk Seksyen L

Kami tidak akan membayar kos penggantian, membaik pulih, atau dengan cara lain yang berkaitan dengan kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh/kepada:

1. Kegagalan Anda untuk mengambil perhatian yang sewajarnya dan munasabah dan langkah berjaga-jaga untuk melindungi dan menjamin bagasi dan barangan peribadi;
2. Kehilangan data dalam bentuk pita, kad, pemacu dan cakera atau sebaliknya termasuk kos mendapatkan semula data;
3. Kenderaan bermotor;
4. Peralatan sukan, peralatan golf;
5. Barang-barang mudah rosak dan guna habis;
6. Antik, artifak, lukisan, objek seni atau apa-apa objek yang mempunyai nilai intrinsik;
7. Manuskrip, sekuriti kewangan atau instrumen apa-apa jenis mata wang kertas atau cek kembara;
8. Setem, dokumen perjalanan, kad kredit, surat hak milik, lesen memandu dan kad pengenalan;
9. Kanta lekap atau kanta kornea, cermin mata, alat bantuan pendengaran, perentak jantung yang diimplan, anggota palsu, gigi tiruan atau jambatan gigi atau gigi palsu;
10. Alat muzik;
11. Barangan mudah pecah;
12. Peralatan yang disewa atau dipajak;
13. Kehilangan bagasi yang dihantar terlebih dahulu, diposkan atau dihantar secara berasingan;
14. Kehilangan barangan perniagaan atau sampel atau peralatan apa-apa jenis;
15. Kehilangan berkenaan dengan kekurangan kerana kesilapan, peninggalan, urus niaga pertukaran atau susut nilai;
16. Mana-mana barangan elektronik, komputer riba atau barang kemas yang didaftarkan dengan Pengangkutan Awam;
17. Kehilangan misteri; dan
18. Haus dan lusuh dan/atau tergores atau kemek dan/atau apa-apa kerosakan yang tidak menjejaskan fungsi bagasi.

PERKHIDMATAN BANTUAN PERJALANAN DAN PERUBATAN 24 JAM

Talian Khidmat Bantuan Perjalanan dan Perubatan 24 Jam

+603 2785 6565

Anda boleh menghubungi Talian Khidmat Bantuan Perjalanan dan Perubatan 24-jam Kami untuk apa-apa bantuan perjalanan atau kecemasan perubatan semasa Perjalanan yang dirancang, tertakluk kepada perlindungan, terma dan syarat yang dinyatakan dalam Sijil ini. Sebarang kos yang ditanggung untuk sebarang bantuan yang diberikan yang bukan dalam perlindungan sijil akan ditanggung oleh Orang Yang Dilindungi sendiri.

Perkhidmatan yang ditawarkan adalah seperti berikut:

1. Bantuan Perjalanan

- a) Maklumat peraturan-peraturan penerbangan;
- b) Butir-butir konsulat dan kedutaan;
- c) Wang pendahuluan semasa kecemasan tertakluk kepada jumlah/had yang dilindungi;
- d) Penghantaran mesej kecemasan;
- e) Jadual penerbangan atau maklumat penerbangan dan bantuan tempahan tiket;
- f) Perkhidmatan maklumat tukaran matawang asing;
- g) Inokulasi dan maklumat visa;
- h) Rujukan jurubahasa;
- i) Rujukan syarikat guaman;
- j) Bantuan kehilangan bagasi;
- k) Bantuan kehilangan pasport atau dokumen perjalanan;
- l) Nasihat sebelum perjalanan;
- m) Perkhidmatan maklumat cuaca;

2. Bantuan Perubatan

- a) Rujukan perubatan, maklumat dan nasihat perubatan 24 jam;
- b) Perkhidmatan ambulans udara;
- c) Penyusunan dan pembayaran langsung untuk lawatan ihsan;
- d) Penyusunan dan pembayaran langsung untuk keputungan anak-anak yang di bawah tanggungan;
- e) Penyusunan dan pembayaran langsung untuk pemindahan perubatan kecemasan;
- f) Penyusunan dan pembayaran langsung untuk penghantaran balik perubatan kecemasan;
- g) Penyusunan dan pembayaran langsung untuk penghantaran balik dan pengangkutan jenazah;
- h) Penyusunan untuk temu-janji dengan doktor tempatan bagi rawatan;
- i) Penyusunan untuk pengangkutan darat dan penginapan;
- j) Mengatur kemasukan ke Hospital;
- k) Pengembalian ihsan disebabkan oleh kematian saudara-mara;
- l) Penghantaran ubat-ubat penting;
- m) Tempahan penyewaan hotel atau kereta;
- n) Penghantaran mesej kecemasan;
- o) Rujukan penyedia perkhidmatan perubatan;
- p) Pemantauan keadaan perubatan apabila dimasukkan ke Hospital;
- q) Nasihat perubatan sebelum Perjalanan;
- r) Perjalanan pulang untuk rakan perjalanan sekiranya berlaku kecemasan perubatan; dan
- s) Pendapat perubatan kedua.

LANJUTAN AUTOMATIK

LANJUTAN AUTOMATIK TEMPOH TAKAFUL

Sekiranya Anda, sebagai penumpang bertiket menaiki Pengangkutan Awam yang dijadualkan, dihalang daripada menyempurnakan Perjalanan pulang daripada Perjalanan yang dirancang semasa Tempoh Takaful, Kami akan melanjutkan Tempoh Takaful Anda daripada Tarikh tamat Tempoh Takaful tanpa Sumbangan tambahan sehingga:

1. Tiga puluh (30) hari sekiranya mengalami Kecederaan Badan (tidak termasuk penyakit dan/atau insiden yang timbul daripada COVID-19) yang memerlukan Kemasukan ke Hospital atau kuarantin dengan syarat bahawa salah satu daripada peristiwa di atas dilindungi di bawah perlindungan takaful ini pada permulaannya;
2. Empat belas hari (14) hari sekiranya Pengangkutan Awam yang dijadualkan yang Anda gunakan semasa perjalanan, mengalami kelewatan tidak dijangka akibat mogok atau tindakan industri, keadaan cuaca yang buruk, Pengangkutan Awam mengalami kerosakan atau pesawat udara dihalang membuat penerbangan kerana kerosakan mekanikal atau struktur, tertakluk kepada bukti dokumen yang berkaitan dengan kejadian tersebut dikemukakan kepada Kami.

PERLINDUNGAN LANJUTAN KEGANASAN

Sijil ini diperluaskan untuk melindungi Anda berkenaan dengan Kematian Akibat Kemalangan atau Kecederaan Badan yang mungkin dialami melalui Tindakan Keganasan, mengesahkan bahawa Anda adalah mangsa dan tidak mengambil bahagian dalam perbuatan tersebut.

SYARAT-SYARAT AM

1. Kewajipan untuk mematuhi Syarat-syarat

Kami hanya akan bertanggungjawab untuk membuat apa-apa bayaran di bawah Sijil ini sekiranya Anda sepanjang masa mematuhi terma-terma, peruntukan-peruntukan dan syarat-syarat dalam Sijil ini.

2. Penyertaan dalam Takaful Perjalanan

Anda mesti menyertai pelan takaful ini sebelum berlepas dari Malaysia. Sekiranya penyertaan dilakukan selepas berlepas, tiada perlindungan akan diberikan walaupun Sijil telah dikeluarkan. Dalam keadaan sedemikian, sebarang Sumbangan yang telah dibayar akan dikembalikan dan Sijil tersebut akan dianggap dibatalkan sejak tarikh mula.

3. Penjagaan Munasabah

Anda hendaklah bertindak secara berhemah untuk mengelakkan kehilangan, kerosakan, Kemalangan, Kecederaan Badan atau Penyakit dan berhati-hati secara munasabah bagi keselamatan dan pengawasan harta itu seolah-olah ianya tidak dilindungi.

4. Fraud/Penipuan

Jika mana-mana tuntutan adalah berbentuk penipuan dan/atau dibuat melalui sebarang cara dan/atau sebarang peranti penipuan, termasuk tuntutan yang melampau dan/atau diperbesar, Kami berhak untuk melucutkan sebarang pembayaran manfaat yang dijadualkan dalam Sijil dan menamatkan kontrak takaful serta-merta dan akan mengekalkan semua bayaran Sumbangan berkenaan dengan Sijil. Dalam kes di mana Kami telah membuat pembayaran manfaat berdasarkan fakta bahawa tuntutan yang dibuat adalah sah tetapi kemudiannya didapati dibuat secara penipuan, Kami akan mengambil semua langkah yang perlu untuk mendapatkan semula mana-mana pembayaran tersebut bersama dengan faedah dan kos termasuk semua perbelanjaan perundangan yang ditanggung berkaitan daripadanya.

5. Penamaan

- a) Anda boleh menamakan seorang individu untuk menerima Manfaat Sijil yang dibayar selepas kematian Orang Yang Dilindungi, sama ada sebagai wasi, atau sebagai benefisiari di bawah hibah bersyarat dengan memaklumkan kepada Kami secara bertulis;
- b) Penamaan di bawah 5(a) boleh dibuat:
 - i. Semasa Sijil Perlindungan dikeluarkan; atau
 - ii. Sekiranya Sijil Perlindungan telah dikeluarkan, dengan memaklumkan kepada Kami secara bertulis atau dengan menghantar Sijil untuk endorsemen penamaan oleh Kami.
- c) Anda boleh menyatakan bahagian yang boleh dibayar kepada Penama. Dengan bahagian yang dinyatakan oleh Anda, Kami akan membayar kepada Penama dalam bahagian yang sama rata.
- d) Penamaan oleh Peserta untuk penama menjadi benefisiari di bawah syarat hibah bersyarat, walau dengan apa saja undang-undang bertulis, mempunyai hak untuk memindahkan hak milik, dan berdasarkan pindahan hak milik itu, Manfaat Sijil boleh dibayar kepada Penama selepas kematian Peserta. Apabila Manfaat Sijil telah dipindahkan, ia tidak boleh membentuk sebahagian daripada harta pusaka Peserta yang meninggal tertakluk kepada hutang beliau.

6. Makluman, Prosedur dan Penyelesaian Tuntutan

- a) Notis bertulis bagi apa-apa kejadian yang mungkin membolehkan untuk membuat tuntutan hendaklah dikemukakan kepada Kami dengan kadar segera dan tidak melebihi tiga puluh (30) hari daripada tarikh Kemalangan yang mengakibatkan kecederaan.
- b) Anda mungkin diminta, atas perbelanjaan Kami, untuk menjalani pemeriksaan perubatan lanjut.
- c) Kami hanya akan membayar Manfaat sekiranya laporan perubatan, sijil perubatan, laporan polis, invoice/ sebut harga dan resit-resit asal (untuk semua manfaat pembayaran balik) dan lain-lain bukti, yang Kami mungkin perlukan, dikemukakan atas perbelanjaan Anda.
- d) Untuk pembayaran Manfaat, apabila Anda mengemukakan resit atau discaj kepada Kami, liabiliti Kami akan berkurangan dengan membayar jumlah Manfaat atau tamat sekiranya Manfaat penuh telah dibayar.
- e) Kami mempunyai hak untuk menolak tuntutan yang Kami tidak berpuas hati dengan bukti yang sedia ada untuk mengesahkan:
 - i. Identiti Anda; atau
 - ii. Keadaan yang menyebabkan kerugian.
- f) Sekiranya berlaku kematian, Kami berhak untuk mendapatkan laporan penuh post-mortem atas perbelanjaan waris Anda.
- g) Kami akan membayar Manfaat yang perlu di bawah Sijil ini kepada Anda atau kepada penama Anda atau pelaksana undang-undang atau pentadbir mengikut Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013.

7. Penamatan Sijil

a) Penamatan oleh Anda

Sekiranya Anda memberi notis secara bertulis kepada Kami untuk menamatkan perlindungan Anda atau mana-mana Orang Yang Dilindungi di bawah Sijil ini, penamatan tersebut akan berkuatkuasa pada tarikh ia diterima atau pada tarikh yang dinyatakan di dalam notis, mana-mana yang terkemudian. Kami akan membayar balik bahagian Sumbangan yang belum tamat Tempoh Takaful secara pro-rata dengan syarat tiada tuntutan dikemukakan kepada Kami dalam Tempoh Takaful.

b) Penamatan Secara Automatik

Perlindungan takaful ini akan tamat:

- i) Selepas kematian Orang Yang Dilindungi;
- ii) Sekiranya Orang Yang Dilindungi telah hilang kelayakan disebabkan umur; atau
- iii) Selepas pembayaran penuh Jumlah Manfaat di bawah Seksyen A1(1-5) seperti yang dinyatakan di bawah SEKSYEN KETERANGAN MANFAAT.

c) Penamatan Oleh Kami

Kami akan memberi notis penamatan (dengan syarat ianya adalah perlu, munasabah dan wajar) dengan surat berdaftar kepada Anda di alamat terakhir Anda atau melalui mel elektronik yang Kami diketahui. Penamatan akan berkuatkuasa tiga puluh (30) hari selepas tarikh notis tersebut.

d) Kedudukan Sumbangan Semasa Penamatan

Pelan Satu Perjalanan / Perjalanan Sehala: Pembatalan sebelum Tarikh Takaful Berkuatkuasa dibenarkan dengan pemulangan penuh Sumbangan, dengan syarat tiada tuntutan dibuat. Namun, tiada pembatalan dibenarkan pada atau selepas Tarikh Takaful Berkuatkuasa.

Pelan Tahunan: Anda boleh membatalkan Sijil pada bila-bila masa dan Kami akan memulangkan Sumbangan secara prorata, dengan syarat tiada tuntutan dibuat di bawah Sijil Anda.

e) Masa Efektif Penamatan

Sijil ini akan luput pada pukul 12:01 pagi waktu Malaysia pada tarikh berkenaan sebagaimana tercatat dalam Jadual atau Endorsemen atau selepas berlakunya sebarang kejadian yang dinyatakan.

8. Pembayaran Sumbangan – Tunai Sebelum Perlindungan

Anda harus membayar Sumbangan sebelum perlindungan di bawah Sijil ini berkuatkuasa.

9. Lain-Lain Takaful/Insurans

Tiada seorang pun boleh dilindungi lebih daripada satu (1) Sijil/Polisi TravelPro yang dikeluarkan oleh Etiqa General Takaful Berhad atau Etiqa General Insurance Berhad untuk perjalanan yang sama. Sekiranya Anda dilindungi di bawah lebih daripada satu (1) Sijil/Polisi, Kami akan menganggap bahawa Anda dilindungi di bawah Sijil/Polisi yang menyediakan jumlah Manfaat yang terbesar. Sekiranya pada masa apa-apa kerugian, kerosakan atau liabiliti yang timbul di bawah Sijil ini, terdapat apa-apa takaful/insurans lain yang melindungi kerugian, kerosakan atau liabiliti yang sama, Kami akan hanya membayar bahagian Kami.

10. Mata Wang

Semua pembayaran yang dibayar di bawah Sijil ini hendaklah dalam Ringgit Malaysia.

11. Undang-Undang yang Terpakai

Sijil ini hendaklah ditadbir oleh dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia.

12. Fasal Timbang Tara

Semua perselisihan, kontroversi atau tuntutan yang timbul daripada atau yang berkaitan dengan Sijil ini akan dirujuk dan diputuskan oleh seorang Penimbang Tara. Penimbang Tara akan dilantik secara bertulis oleh pihak-pihak yang bercanggah, atau sekiranya mereka tidak dapat memilih seorang Penimbang Tara yang dipersetujui bersama, dua orang Penimbang Tara akan dilantik untuk membuat keputusan, setiap seorang dilantik secara bertulis oleh setiap pihak. Pelantikan hendaklah dibuat dalam masa satu (1) bulan kalendar selepas dikehendaki berbuat demikian oleh pihak-pihak tersebut. Sekiranya pemilihan Penimbang Tara tidak mendapat persetujuan bersama, Pengadil akan dilantik secara bertulis oleh kedua-dua Penimbang Tara mengikut Pusat Timbang Tara Antarabangsa (AIAC) untuk i-Kaedah Penimbang Tara. Pengadil hendaklah menetapkan dan mengisytiharkan keputusan yang ditentukan oleh Penimbang Tara hendaklah diperolehi dahulu sebelum apa-apa tindakan ke atas Kami. Tempat untuk timbang tara haruslah di Kuala Lumpur, Malaysia.

Sekiranya Kami menafikan liabiliti kepada Anda untuk sebarang tuntutan yang berkenaan, tuntutan itu haruslah tidak melebihi dua belas (12) bulan daripada tarikh pertikaian yang telah dirujuk kepada Penimbang Tara di bawah peruntukan yang terkandung di sini, maka tuntutan bagi semua maksud dan tujuan hendaklah dianggap telah diabaikan dan selepas itu tidak boleh dituntut.

13. Prosiding Undang-undang

Tiada tindakan undang-undang boleh dibuat untuk mendapat ganti rugi di bawah Sijil ini sebelum tamat tempoh enam puluh (60) hari selepas bukti kerugian bertulis telah diberikan menurut keperluan Sijil ini. Tiada tindakan boleh diambil melebihi tiga (3) tahun selepas Bukti Kerugian bertulis diperlukan untuk dikemukakan.

14. Perubahan dan Pertukaran

Kami mempunyai hak untuk mengubah terma-terma dan peruntukan di dalam Sijil ini (dengan syarat ianya adalah perlu, munasabah dan wajar) dengan memberikan tiga puluh (30) hari notis awal bertulis secara pos biasa di alamat terakhir Anda atau melalui mel elektronik di dalam rekod Kami, dan perubahan tersebut akan diguna pakai untuk pembaharuan Sijil seterusnya. Tiada perubahan di dalam Sijil ini sah melainkan mendapat kebenaran daripada Kami dan telah disahkan.

15. Notis Amanah atau Penyerahan Hak

Kami tidak akan terikat untuk menerima atau dipengaruhi oleh mana-mana notis amanah, gadaian, lien, penyerahan hak atau lain-lain, seumpamanya yang berkaitan dengan Sijil ini (tertakluk kepada sifat dan rawatannya, termasuk hak individu masing-masing dan/atau entiti yang berhak di bawahnya).

16. Fasal Had Sekatan

Sijil ini tidak akan memberikan perlindungan dan Kami tidak akan bertanggungjawab untuk membayar apa-apa tuntutan atau memberikan apa-apa Manfaat di bawah ini di mana peruntukan perlindungan, pembayaran tuntutan, atau peruntukan Manfaat tersebut akan mendedahkan Kami kepada mana-mana larangan atau sekatan di bawah Resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, atau sekatan, undang-undang atau peraturan-peraturan perdagangan atau ekonomi Kesatuan Eropah, United Kingdom atau Amerika Syarikat.

17. Hak untuk menamatkan kerana Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pembiayaan Keganasan

Jika Kami mengetahui atau mengesyaki bahawa Sijil ini dimanfaatkan untuk kegiatan pengubahan wang haram atau untuk membiayai Keganasan, Kami berhak untuk menamatkan Sijil ini dengan serta-merta. Kami akan menguruskan semua Sumbangan yang dibayar dan semua Manfaat atau jumlah yang dibayar berkenaan dengan Sijil ini melalui apa-apa cara yang Kami anggap sesuai, termasuk tetapi tidak terhad kepada menyerahkannya kepada pihak berkuasa berkaitan.

18. Subrogasi

Sekiranya Kami bertanggungjawab bagi sebarang bayaran di bawah Sijil ini, Kami akan disubrogasikan tertakluk kepada had bayaran tertentu untuk semua hak dan remedi Anda terhadap mana-mana pihak, dan adalah berhak atas perbelanjaan Kami sendiri untuk menyaman atas nama Anda. Anda akan memberikan atau akan menyebabkan untuk diberikan kepada semua bantuan tertentu dalam kuasa Anda sebagaimana Kami akan perlukan untuk mendapat hak dan remedi dan atas permintaan Kami hendaklah menandatangani atau menyebabkan untuk ditandatangani semua dokumen sewajarnya bagi membolehkan Kami secara berkesan menyampaikan saman menggunakan nama Anda.

19. Perubahan dalam Percukaian, Peraturan dan Perundangan

Kami boleh mengubah terma-terma dalam Sijil ini jika terdapat perubahan dalam percukaian, peraturan atau perundangan yang menjejaskan Sijil ini. Kami akan memaklumkan Anda secara bertulis apabila terma-terma dalam Sijil ini perlu diubah.

20. Tanggungjawab dan Hak Terhadap Data Perlindungan

Kami berhak untuk memproses Data Peribadi menurut Seksyen 4 Akta Perlindungan Data Peribadi 2010. Kami juga berhak untuk mendedahkan Data Peribadi yang telah diberikan oleh Anda sebagaimana yang dituntut berdasarkan konteks, kepada:

- a) Etiqa General Insurance Berhad, Etiqa General Takaful Berhad, Etiqa Life Insurance Berhad, Etiqa Family Takaful Berhad, Etiqa Life International (L) Ltd atau Etiqa Offshore Insurance (L) Ltd.;
- b) Entiti-entiti lain dalam Kumpulan Maybank;
- c) Ejen-ejen dan penyedia perkhidmatan Kami yang diberi kuasa yang dengannya Kami telah mengikat perjanjian kontrak untuk beberapa fungsi, perkhidmatan dan aktiviti Kami;
- d) Lain-lain syarikat insurans atau pengendali takaful dan wakil pengedar (contohnya, bank, bank Islam, broker insurans, broker takaful, syarikat insurans semula dan pengendali semula);
- e) Pertubuhan perdagangan industri seperti Persatuan Insurans Hayat Malaysia (LIAM), Persatuan Insurans Am Malaysia (PIAM) dan Persatuan Takaful Malaysia (MTA);
- f) Pedagang dan rakan kongsi strategik Kami;
- g) Mana-mana pihak yang diberi kuasa oleh Anda (dari semasa ke semasa); atau
- h) Penguatkuasaan peraturan dan agensi-agensi kerajaan yang dibenarkan atau dikehendaki oleh undang-undang, yang diberi kuasa oleh mana-mana perintah mahkamah atau untuk memenuhi kewajiban kepada pihak berkuasa.

Anda perlu memastikan semua Data Peribadi dikemaskini kepada Kami pada kadar segera.

Kami tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan atau kerosakan secara langsung atau tidak langsung terhadap Data Peribadi yang tidak tepat atau tidak lengkap yang diberikan kepada Kami. Kami dari semasa ke semasa berhak untuk meminta Anda untuk memberikan Data Peribadi lain yang dikehendaki bagi tujuan Sijil ini.

Sebelum memberikan Kami Data Peribadi Orang Yang Dilindungi, atau mana-mana individu, Anda hendaklah memaklumkan individu tersebut mengenai notis privasi Kami.

Untuk butiran terperinci notis privasi mengenai bagaimana Kami mengumpul, menggunakan, memproses, melindungi dan mendedahkan Data Peribadi Anda, sila kunjungi cawangan Kami, hubungi Etiqa Online di talian 1300 13 8888, atau rujuk ke laman web Kami di www.etiqa.com.my.

PENGECUALIAN AM

Kami tidak akan membayar di bawah mana-mana Seksyen Sijil ini untuk Manfaat, kerugian, perbelanjaan atau liabiliti yang secara langsung atau tidak langsung, disebabkan oleh, akibat, yang timbul berkaitan dengan atau diakibatkan oleh:

1. Apa-apa Keadaan Sedia Ada Orang Yang Dilindungi;
2. Kecederaan diri sendiri yang disengajakan atau membunuh diri atau cubaan membunuh diri, ketika waras atau tidak waras;
3. Kehamilan, melahirkan anak termasuk kelahiran secara pembedahan, pengguguran, keguguran dan semua komplikasi yang berkaitan melainkan keguguran kerana Kecederaan Badan akibat langsung daripada Kemalangan;
4. Pengambilan alkohol, dadah atau narkotik yang tidak dipreskripsikan;
5. Apa-apa keadaan, yang merupakan atau hasil daripada atau merupakan komplikasi jangkitan Virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV), termasuk Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS), dan mana-mana jangkitan oportunistik dan/atau neoplasma malignan (tumor) yang didapati dengan kehadiran HIV;
6. Pembunuhan atau serangan yang diprovokasi;
7. Keadaan perubatan psikiatri, mental atau saraf, termasuk tetapi tidak terhad kepada, apa-apa neurosis dan psikologikal atau psikosomatik mereka;
8. Penyakit atau gangguan kelamin, dan keadaan yang timbul daripada penyakit-penyakit atau gangguan ini;
9. Apa-apa kerugian turutan, ekonomi atau sebaliknya, kehilangan keseronokan atau kerugian lain yang tidak disenaraikan di dalam Sijil ini, sama ada kewangan atau bukan kewangan, termasuk tetapi tidak terhad kepada kos guaman atau profesional dan/atau perbelanjaan perjalanan yang timbul secara langsung atau tidak langsung daripada apa-apa tuntutan yang dibuat oleh Anda di bawah Sijil ini
10. Anda membuat Perjalanan ke luar negara yang bertentangan dengan nasihat perubatan atau tujuan mendapatkan rawatan perubatan;
11. Anda terlibat dalam penguatkuasaan undang-undang, perkhidmatan kecemasan, pertahanan awam, tentera laut, tentera darat atau udara perkhidmatan penguatkuasaan atau operasi atau ujian apa-apa jenis kenderaan atau diambil kerja sebagai seorang pekerja manual atau semasa terlibat dalam aktiviti luar pesisir seperti menyelam, carigali minyak, melombong atau fotografi udara atau mengendalikan letupan atau kehilangan atau kerosakan kepada peralatan disewa atau dipajak;
12. Perjalanan udara selain daripada sebagai penumpang berbayar dengan penerbangan biasa berjadual atau pesawat berlesen yang disewa;
13. Anda mengambil bahagian dalam apa-apa aktiviti yang melanggar mana-mana undang-undang sedia ada tanpa mengira tahap kesalahan anda dan/atau keadaan fikiran yang berlaku pada masa kesalahan itu dilakukan termasuk apa-apa perbuatan salah yang boleh menjadi sebagai pelakuan kesalahan di bawah mana-mana undang-undang sedia ada yang mana Anda bertanggungjawab dan/atau mungkin bertanggungjawab untuk disaman, didakwa, didakwa dan/atau ditegur oleh pihak berkuasa;
14. Peperangan, serangan, tindakan musuh asing, permusuhan (sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak), perang saudara, pemberontakan, revolusi, pemberontakan, rampasan kuasa pihak tentera atau perampasan atau nasionalisasi atau pengambilan atau pemusnahan atau kerosakan kepada harta di bawah perintah mana-mana kerajaan atau pihak berkuasa awam atau tempatan;

15. Kehilangan, kemusnahan atau kerosakan kepada mana-mana harta walau apa pun atau apa-apa kerugian atau perbelanjaan walau apa pun yang timbul daripadanya atau apa-apa kerugian turutan secara langsung atau tidak langsung disebabkan atau diakibatkan oleh atau timbul daripada pancaran pengionan atau pencemaran melalui radio aktiviti daripada mana-mana bahan api nuklear, senjata nuklear atau daripada apa-apa bahan buangan nuklear daripada pembakaran bahan api nuklear;
16. Penyertaan Anda di dalam Sukan dan Aktiviti Berbahaya, kecuali aktiviti-aktiviti tersebut telah di lindungi di bawah Aktiviti-aktiviti Sukan Berbahaya (Manfaat Pilihan) yang telah Anda sertai;
17. Perjalanan dalam, ke atau melalui negara-negara atau kawasan-kawasan yang tertakluk kepada peperangan, konflik, atau diisytiharkan sebagai PHEIC oleh WHO;
18. Perjalanan di dalam, ke atau melalui Cuba, Iran, Korea Utara, Syria, Ukraine, Rusia, Myanmar, Iraq, Palestin, Afghanistan, Belarus, Venezuela, Sudan, Sudan Selatan, Israel, Antartika, Nepal dan Libya;
19. Membuat perjalanan untuk mengerjakan ibadah haji;
20. Untuk sebarang kos berkaitan perjalanan yang menjadi tidak boleh dituntut sekiranya syarikat penerbangan, ejen pelancongan tempatan/asing atau mana-mana perantara perjalanan lain, penyedia perkhidmatan hotel/penginapan atau penyedia perkhidmatan pelancongan pihak ketiga lain yang berkaitan menjadi mullis/musnah atau mullis.
21. Apa-apa Penyakit Berjangkit yang diisytiharkan sebagai PHEIC oleh WHO atau ketakutan atau ancaman (sama ada sebenar atau ditanggap) terhadap Penyakit Berjangkit. Ini akan terpakai kepada tuntutan yang dibuat selepas tarikh mana-mana pengisytiharan sedemikian, selain daripada diagnosis yang berkaitan telah dibuat oleh pengamal perubatan bertauliah sebelum tarikh mana-mana pengisytiharan tersebut dan akan terus digunakan sehingga WHO membatalkan atau menarik balik mana-mana PHEIC yang berkaitan; dan
22. Menungguang atau memandu tanpa lesen memandu yang sah. Pengecualian ini tidak dikuat kuasakan sekiranya Orang Yang Dilindungi memiliki lesen yang telah tamat tempoh tetapi tidak hilang kelayakan untuk memegang atau mendapatkan lesen memandu seperti di bawah peraturan Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia atau undang-undang lain yang berkaitan; dan
23. Melakukan perjalanan dengan menggunakan basikal sebagai kaedah pengangkutan utama dari Rumah atau tempat perniagaan Anda ke destinasi yang dituju (Pengecualian ini tidak terpakai bagi aktiviti berbasikal secara santai atau rekreasi yang dilakukan semasa Perjalanan).

KENYATAAN MAKLUMAT SIJIL

1. Sekiranya terdapat sebarang perubahan alamat, sila beritahu Kami dengan segera.
2. Untuk sebarang pertanyaan selain dari tuntutan, sila hubungi Kami di:
Etiqa General Takaful Berhad
Tingkat 13, Menara B, Dataran Maybank
No. 1, Jalan Maarof
59000 Kuala Lumpur, Malaysia
Nombor Telefon: +603 2297 3888
Nombor Faksimile: +603 2297 3800
Etiqa Online: 1300 13 8888
E-mel: info@etiqa.com.my
Laman Web: www.etiqa.com.my
3. Untuk sebarang tuntutan di bawah Sijil ini, sila hubungi Bantuan Tuntutan Kami di talian 1300 88 1007.

PROSEDUR ADUAN

Sekiranya Anda dapati perkhidmatan Kami memerlukan penambahbaikan, sila berikan Kami maklum balas Anda dengan menghubungi Kami melalui pos di:

Unit Pengurusan Aduan
Etiqa General Takaful Berhad
Tingkat 6, Menara B, Dataran Maybank
No. 1, Jalan Maarof
59000 Kuala Lumpur, Malaysia;

Atau melalui telefon 1300 13 8888 atau +603 2780 4500 (Luar Negara)
E-mel: complaint_cmu@etiqa.com.my

Kami akan memastikan maklum balas Anda dilayani.

Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan (FMOS) dan Bank Negara Malaysia Laman Informasi, Nasihat & Khidmat (BNMLINK) juga menyediakan pendekatan alternatif dalam memberikan peluang kepada orang ramai untuk membetulkan amalan pasaran yang tidak adil.

PROSEDUR MEMBUAT ADUAN KEPADA FMOS

Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan (FMOS) boleh dihubungi oleh Pihak Menuntut atau Peserta, sekiranya Pihak Menuntut atau Peserta tidak berpuas hati dengan keputusan Kami terhadap sebarang pertikaian, atau kegagalan Kami untuk memberi maklum balas terhadap sebarang aduan dalam tempoh enam puluh (60) hari. Anda boleh menghubungi FMOS melalui:

Talian Am: +603 2272 2811

Alamat Pos: Ketua Pegawai Eksekutif,
Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan (Nombor Syarikat: 200401025885),
Tingkat 14, Blok Utama
Menara Takaful Malaysia
No.4, Jalan Sultan Sulaiman
50000, Kuala Lumpur

Sebagai alternatif, Pihak Menuntut atau Peserta boleh memfailkan pertikaian itu secara peribadi di pejabat FMOS.

FMOS perlu dihubungi dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh keputusan muktamad dari Kami berkenaan pertikaian yang dibuat Pihak Menuntut atau Peserta.

Untuk maklumat lanjut mengenai FMOS, sila dapatkan risalah maklumat daripada Kami atau layari laman web FMOS di www.fmos.org.my.

Penglibatan FMOS adalah tertakluk kepada terma-terma rujukan menurut Seksyen 138 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013. Menghubungi FMOS tidak akan menjejaskan hak Pihak Menuntut atau Peserta untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap Kami sekiranya mereka tidak berpuas hati dengan keputusan oleh FMOS.

PROSEDUR MEMBUAT ADUAN KEPADA BNMLINK

Mana-mana Peserta atau Pihak Menuntut yang tidak berpuas hati dengan cara pengendalian Pengendali Takaful boleh mengemukakan pertanyaan, aduan, atau maklum balas kepada BNMLINK.

Butiran perhubungan adalah seperti berikut:

Pengarah, Jabatan LINK dan Pejabat Wilayah
Bank Negara Malaysia
4th Floor, Podium Bangunan AICB
No. 10, Jalan Dato' Onn
50480 Kuala Lumpur, Malaysia
Nombor Telefon: 1-300-88-5465
Nombor Faksimile: +603 2174 1515
BNMLINK Portal: bnm.gov.my/BNMLINK